




Laporan Tahunan
Annual Report
2010



Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



Laporan Tahunan
2010

A painting of a library interior. In the foreground, a large, dark brown leather armchair with a curved backrest and a small decorative pillow is positioned facing a round wooden table. On the table sits a silver tray holding a small cake or dessert. The background features floor-to-ceiling bookshelves filled with books of various colors and sizes. A small shelf above the bookshelves holds a few decorative objects, including a small framed picture, a blue radio, and some figurines. The lighting is warm and focused on the chair and table area.

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

Cetakan Pertama 2011

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2011

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia, - 1985 - .

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-3170

1. Libraries, National -- Malaysia. 2. Corporation reports. 1. Judul

027.5595

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kandungan

2	Perutusan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
3	Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
4	Perutusan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia
6	Penubuhan dan Akta
7	Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia
10	Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia 2010
12	Carta Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia 2010
14	Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia 2010
17	Peristiwa Penting
21	Pengurusan
24	Pembangunan Sumber Manusia
26	Perancangan dan Perhubungan Korporat
28	Pembangunan Perpustakaan
33	Koleksi Perpustakaan
34	Perkhidmatan Maklumat Malaysiana
42	Perkhidmatan Maklumat Umum
47	Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)
50	Pemuliharaan dan Reprografi
51	Sistem Pengurusan Kualiti
54	Program Utama Perpustakaan Negara Malaysia
60	Statistik Perpustakaan Negara Malaysia 2010
69	Kerjasama Perpustakaan
72	Penerbitan
73	Penulisan
75	Kelab Perpustakaan Negara Malaysia
77	PU\$PANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia
79	Perpustakaan Negara Malaysia dan Rakan Media
88	Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama(KPI)



“ Warisan seni budaya yang kaya ini adalah khazanah intelek bangsa yang perlu kita pelihara untuk dipusakai generasi kepimpinan negara yang akan datang. ”

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim

Menteri
Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam 1Malaysia

Kebudayaan yang dijalankan dengan penerangan adalah bahan komunikasi yang dititikberatkan oleh kerajaan dalam menjana pemikiran, daya fikir dan keluhuran budi pekerti sesuatu masyarakat. Rumusan ini adalah menepati usaha menjadikan seni budaya dan warisan sebagai cara hidup rakyat yang bertamadun.

Warisan seni budaya yang kaya ini adalah khazanah intelek bangsa yang perlu kita pelihara untuk dipusakai generasi kepimpinan negara yang akan datang. Usaha-usaha meninggikan kepimpinan dan budi pekerti sebagai cerminan intelek bangsa sentiasa diperjuangkan oleh KPKK melalui pelbagai program dan pendekatan termasuk program galakan membaca sebagai aktiviti utamanya ke arah melahirkan masyarakat berilmu dan beradab. Semoga program galakan membaca, perpustakaan desa dan aktiviti lain akan terus mengukuhkan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam membantu mewujudkan masyarakat berilmu.

Tahniah disampaikan kepada PNM atas penyediaan Laporan Tahunan ini.

ILMU BERPUNCA DARIPADA PENGALAMAN DAN BACAAN

Sekian, wassalam.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**



“ Budaya membaca yang menjadi pemangkin kepada budaya ilmu ialah outcome budaya yang utama dalam menentukan kejayaan perjuangan gagasan 1Malaysia.”

Dato' Sri Kamarudin Siaraf

Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam 1Malaysia

Selaku penyemarak utama gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan menerusi wadah penerangan, komunikasi dan budaya, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) sentiasa mengambil inisiatif berterusan untuk meningkatkan tahap penerimaan, penghayatan dan pengamalan agenda negara ini dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kejayaan KPKK mencapai semua 12 Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2010 merupakan satu pencapaian cemerlang yang amat bermakna dalam usaha kerajaan menggerakkan strategi menyebarluaskan gagasan 1Malaysia menerusi wadah penerangan, komunikasi dan kebudayaan untuk mencapai agenda negara.

Antara usaha KPKK yang diterajui oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam menjayakan agenda negara adalah pelaksanaan program galakan membaca serta pembangunan prasarana ilmu dan maklumat iaitu kemudahan perpustakaan di seluruh negara. KPKK yakin dengan ketersediaan perpustakaan bagi melaksanakan program membaca sebagai asas mengintelekkan daya fikir masyarakat adalah penting dalam membentuk perilaku bangsa yang berilmu pengetahuan dan beradab tinggi. Budaya membaca yang menjadi pemangkin kepada budaya ilmu ialah outcome budaya yang utama dalam menentukan kejayaan perjuangan gagasan 1Malaysia.

Akhir sekali, saya ucapkan syabas kepada PNM atas usaha menerbitkan Laporan PNM 2010 sebagai catatan memori korporat untuk bacaan rakyat Malaysia.

Sekian, wassalam.

Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf

Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan



“ Perpustakaan Negara Malaysia sebagai sebuah agensi KPKK turut melaksanakan program berkonsepkan penerapan nilai-nilai Gagasan 1Malaysia. ”

Dato' Raslin Abu Bakar

Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam 1Malaysia

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dapat meneruskan pelaksanaan misi strategik Jabatan dengan jayanya sepanjang tahun 2010 iaitu memimpin dalam pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat; menjadi pusat kecemerlangan warisan intelek negara; mengurus dan menyediakan kemudahan akses sumber maklumat negara; dan menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia bagi mencapai visi sebagai peneraju pembangunan, perkhidmatan dan kepimpinan perpustakaan bertaraf dunia.

Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil komitmen dan usaha gigih kakitangan PNM menterjemahkan setiap misi kepada tindakan mengikut sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI) Jabatan yang telah ditetapkan . Antara pencapaian yang signifikan dengan kejayaan ini adalah peningkatan kadar membaca rakyat Malaysia daripada 2 buah buku setahun kepada 8 - 12 buku setahun berdasarkan kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia 2010. Usaha-usaha ke arah pencapaian sasaran keberhasilan (outcome) jangka panjang iaitu melahirkan seramai 28 juta rakyat Malaysia yang berminda kreatif, inovatif dan intelek menerusi pengamalan budaya membaca yang berkualiti akan terus dilipatgandakan menerusi pelbagai program/aktiviti berimpak besar dan menyeluruh dari semasa ke semasa.

Tahun 2010 turut mencatatkan satu peristiwa penting dalam lipatan sejarah PNM dengan bermulanya operasi mercu tanda baru PNM setinggi 15 tingkat iaitu Menara PNM. Berlatarkan keindahan bandaraya Kuala Lumpur, Menara PNM antara lain menempatkan pusat rujukan Malaysiana yang lengkap dan kondusif kepada pembaca selaras dengan fungsi PNM selaku pengawal (custodian) dan pemelihara sumber rujukan Malaysiana yang merupakan khazanah dan warisan intelek negara.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan PNM 2010.

Mari Membaca 1Malaysia.

Sekian, wassalam.

Dato' Raslin Abu Bakar

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

قُرْبَوْسْتَاكَاءُ نِكَارَا مَلِيْسِيَا

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Penubuhan dan Akta

AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972 (AKTA 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Akta ini dipinda pada tahun 1987 selaras dengan perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

OBJEKTIF PENUBUHAN

Maksud dan objektif Perpustakaan Negara Malaysia seperti diperuntukkan dalam Bahagian II, Seksyen 3 Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) adalah seperti berikut:

- menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;

- memudahkan capaian seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara dan;
- mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986 (AKTA 331)

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara. Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara adalah seperti berikut:

- untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan;
- untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia

Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 2010-2013

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberikan nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berkaitan hal ehwal kemajuan perpustakaan dan perkembangan perkhidmatan PNM serta perkhidmatan perpustakaan di Malaysia.

Ahli Lembaga Penasihat PNM 2010 - 2013 yang dilantik oleh YB Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah seperti berikut:

- YBhg Datuk Dr. Halim Shafie (Pengerusi)
- YBhg Tan Sri Ramon V. Navaratnam (Ahli)
- YBhg Prof. Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Haji Abdul Karim (Ahli)
- YBhg Dato' Ng Tieh Chuan (Ahli)
- YM Raja Datin Paduka Fuziah binti Raja Tun Uda (Ahli)
- YBhg Prof. Dato' Dr Wan Hashim bin Wan Teh (Ahli)
- YBhg Prof. Dr Juhana binti Salim (Ahli)
- YBhg Encik Azahar bin Mohd Noor (Ahli)

Ex-Officio

- YBhg Dato' Mohammed bin Mohd Daud
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
Wakil bagi Kementerian Penerangan Komunikasi
dan Kebudayaan (KPKK)
- YBhg Dato' Raslin Bin Abu Bakar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
Selaku Setiausaha Mesyuarat

Lembaga Penasihat PNM telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 18 Mac 2010 dan 11 November 2010. Antara perkara-perkara penting yang telah dibincangkan pada kedua-dua mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- *International Standard Book Number (ISBN)* bagi penerbitan digital di Malaysia
- Status pelaksanaan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision*) di Perpustakaan Desa
- Pengurusan Perpustakaan Desa : Masalah dan Penyelesaian
- Statistik Perpustakaan di Malaysia / PNM 2010
- Aktiviti / Program PNM 2010
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) PNM 2010
- Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan
- Malaysia sebagai Tuan Rumah *IFLA International Newspaper Conference 2011*
- Koleksi Peribadi dan Koleksi Nadir PNM
- Projek rintis Perpustakaan Ubiquitous (u-Pustaka)



Mesyuarat Lembaga Penasihat
Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 1/2010 pada 18 Mac 2010.

Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 2010 - 2013



YBhg Datuk Dr. Halim Shafie
Pengerusi



YBhg Tan Sri Ramon V. Navaratnam
(Ahli)



YBhg Dato' Ng Tieh Chuan
(Ahli)



YBhg Prof Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Abdul Karim
(Ahli)



YBhg Prof. Dr Juhana Salim
(Ahli)



**YM Raja Datuk Paduka Fuziah
Raja Tun Uda**
(Ahli)



**YBhg Prof. Dato' Dr Wan Hashim
Wan Teh**
(Ahli)



YBhg Encik Azahar Mohd Noor
(Ahli)



**YBhg Dato' Mohammed
Mohd Daud**
(Ex-Officio)



YBhg Dato' Raslin Abu Bakar
(Setiausaha)



Ahli Lembaga Penasihat PNM 2010 - 2013.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia 2010



Dato' Raslin Abu Bakar

Ketua Pengarah



Siti Rodziah Othman

Timbalan Ketua Pengarah



Abdul Rahman Mohamed Nor

Pengarah
Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia



Nafisah Ahmad

Pengarah
Perkhidmatan Perpustakaan
Digital Nasional



Salbiah Mohammad Yusof

Pengarah
Prasarana Ilmu
dan Maklumat



Abdul Rahman Sudin

Pengarah
Perkhidmatan Maklumat Umum



Kamarudin Mat Nata

Pengarah
Perancangan dan
Perhubungan Korporat



Siti Aishah Sheikh Ab Kadir

Pengarah
Perkhidmatan Malaysiana



Maizan Ismail

Pengarah
Pembangunan Koleksi Negara
dan Pendokumentasi



Rosham Abdul Shukor

Pengarah
Pembangunan Sumber Manusia




Norazwana Yusop


Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat



REFRIGERATION
AND AIR CONDITIONING



Carta Organisasi *Perpustakaan Negara Malaysia 2010*



Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia 2010

Sepanjang tahun 2010 PNM telah mencapai pelbagai anugerah dan kejayaan seperti berikut:

* Pengiktirafan

- Persijilan MS ISO 9001:2000 ke MS ISO 9001:2008 dari SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 9 April 2010.
- *Malaysia Book of Records* bagi program 1Malaysia Sejuta Puisi yang diadakan pada 24 Oktober 2010 dimana seramai 360 penyair pelbagai bangsa membaca 10,118 rangkap puisi moden dan tradisional selama 34 jam 36 saat tanpa henti.

- PNM diberi kepercayaan oleh KPKK bagi mengetuai majlis jamuan bagi program sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) bagi perayaan pelbagai kaum anjuran KPKK.

* Pembangunan

Sepanjang tahun 2010, sebanyak tiga projek pembangunan perpustakaan telah berjaya disiapkan iaitu:

NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TARIKH SIAP
Bangunan Tambahan PNM	RM49.02 juta	Jun 2010
Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang	RM3.8 juta	Februari 2010
Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang	RM3.95 juta	Disember 2010

* Pengurusan dan Perancangan Pelan Strategik Jabatan

Kelangsungan dari Pelan Strategik PNM (2009 – 2013), satu Retreat Program/Aktiviti PNM tahun 2010 dan satu Post Mortem Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di Pahang telah berjaya diadakan bagi meletakkan hala tuju PNM kepada satu landasan yang lebih tepat dengan misi dan visi Jabatan. Selain daripada penyelarasan program/aktiviti Jabatan bagi tahun 2010, retreat tersebut menjadi medium untuk barisan pengurusan merangka KRA dan KPI Jabatan bagi tahun 2010. Pencapaian KPI 2010 seperti penyertaan masyarakat dalam program galakan membaca menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2009 dari 91,800 meningkat kepada kepada 338, 476 peserta, pengunjung perpustakaan juga mencapai 3.22 juta orang dan pinjaman bahan perpustakaan mencatatkan 4.95 juta peminjam. Pencapaian ini adalah berlandaskan komitmen jitu barisan pengurusan dan semua kakitangan PNM dalam memacu kemajuan PNM.

* Penggubalan Akta dan Dasar Jabatan

Penggubalan Akta PNM kini dalam fasa kedua telah dilaksanakan bermula tahun 2010 dan sebanyak 15 Dasar Sedia Ada Jabatan sedang dikemaskini serta giat menyediakan Dasar-dasar Baru yang relevan dengan peranan PNM dalam jangka masa panjang dengan konteks peluasan sebagai Dasar Kebangsaan. Mengangkat Dasar Jabatan sebagai Dasar Kebangsaan amatlah penting kerana ia akan dapat dijadikan rujukan dan panduan oleh semua perpustakaan di Malaysia. Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan dapat menjadi titik tolak kepada pengukuhan peranan PNM sebagai peneraju Projek Pendigitan Bahan Perpustakaan di seluruh negara dan aktiviti pendigitan agensi di bawah KPKK.

* Hal Ehwal Parlimen

Pada tahun 2010, isu-isu berkaitan PNM turut dibahaskan dalam perbahasan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kesemua 14 soalan parlimentari (bertulis dan lisan) telah berjaya dijawab dengan sempurna oleh Urus Setia Parlimentari dengan kerjasama bahagian-bahagian yang terlibat. Trend soalan Parlimentari yang turut menyentuh sektor perkhidmatan perpustakaan saban tahun mencerminkan bahawa perkhidmatan dan profesyen kepustakawanan sentiasa dipantau oleh ahli-ahli Parlimentari di atas dasar kepercayaan bahawa sektor perkhidmatan perpustakaan dapat menjana sosio ekonomi yang lebih mantap serta dapat membantu menangani masalah sosial negara.

* Hubungan Kerjasama di Peringkat Serantau dan Antarabangsa

Pada tahun 2010 juga, memperlihatkan bahawa profesyen kepustakawanan telah dapat diperkuuhkan melalui hubungan kerjasama dengan negara serantau dan antarabangsa melalui program seperti bengkel, persidangan dan seminar peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Badan Ikhtisas kepustakawanan seperti CONSAL, APIN, CDNL-AO, IFLA dan sebagainya. Penglibatan PNM amat bertepatan dengan trend maklumat tanpa sempadan masa kini di mana perpustakaan dilihat perlu mewujudkan satu rangkaian perhubungan strategik yang kukuh dengan perpustakaan lain di dunia bagi menimba kemahiran secara global.

* Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan amat penting dalam usaha untuk meningkatkan bidang kepustakawanan agar ianya selari dengan perubahan semasa. Penekanan kepada pembangunan modal insan akan di beri tumpuan khusus pada tahun ini dengan mempelbagaikan bentuk kursus dan latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

Seramai 447 orang pegawai dan kakitangan PNM telah menghadiri kursus/seminar/bengkel dan ceramah sepanjang tahun 2010. Manakala tiga (3) orang pegawai dari Jabatan Muzium dan Pusat Sejarah Brunei serta seorang pegawai dari Arkib Negara Sri Lanka telah menjalani latihan praktik dan penempatan di PNM.

* Pencapaian Program Galakan Membaca

PNM selaku urus setia program Galakan Membaca Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai bentuk program galakan membaca dalam memastikan hasrat membudayakan amalan membaca dikalangan masyarakat Malaysia tercapai. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 31 program telah dapat dilaksanakan merentasi pelbagai lokasi, etnik, agama dan turut mendapat kerjasama pelbagai pihak.

Daripada program yang diadakan, 58% diadakan di kawasan bandar sementara 42% adalah di kawasan luar bandar. PNM dengan kerjasama RTM telah menerbitkan dokumentari Kembara Buku yang disiarkan mulai 12 Disember 2010 bagi tempoh selama 13 minggu di TV 1, jam 12.00 tengah hari. Pada episod pertama, Kembara Buku telah merekodkan seramai 110,147 penonton, episod kedua seramai 75,390 penonton dan episod ketiga seramai 110,690 penonton. PNM dengan kerjasama Filem Negara Malaysia telah menerbitkan Jingle Membaca bertajuk "Bacalah" nyanyian Nurul Huda Abdul Wahab atau lebih dikenali Nurul.

* Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan

Keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan telah dibuktikan dengan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd yang berkuatkuasa pada 9 April 2010 hingga 8 April 2013. Amalan yang berterusan dan sentiasa aktif dalam usaha penambahbaikan dapat memperkuuhkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti PNM serta memberi nilai tambah kepada imej korporat PNM.

* Penerapan Budaya Kreativiti dan Inovasi

Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan, sebanyak 15 Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) di peringkat Jabatan telah berjaya ditubuhkan bagi tahun 2010. Kumpulan NADI dari Bahagian Pemuliharaan telah memenangi tempat kedua Konvensyen KIK peringkat Kementerian dengan tajuk projek "Kesukaran Menjilid Buku Melebihi 2 Sentimeter".

Menyedari akan kepentingan budaya inovasi dan kreativiti, usaha galakan budaya inovasi dan kreativiti akan diteruskan dengan lebih jitu yang turut melibatkan perpustakaan Gunasama. Penglibatan barisan pengurusan juga amat penting dalam menyokong penglibatan kakitangan ke arah memastikan setiap produk atau projek inovasi yang dihasilkan adalah menepati kriteria yang ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) atau Malaysia Productivity Corporation (MPC).

* **Promosi dan Publisiti Program / Aktiviti Jabatan**

Pengaruh media memainkan peranan penting dalam mempromosi program/aktiviti Jabatan kepada masyarakat umum. Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa pihak media sama ada media massa mahupun media elektronik telah memberi tafsiran dan interpretasi yang positif berkaitan dengan program/aktiviti Jabatan. Sepanjang tahun 2010, terdapat sebanyak 603 liputan berita dalam akhbar mengenai PNM telah disiarkan dan 429 liputan majlis Jabatan telah tersiar melalui TV mahupun radio. Bagi tahun 2010, PNM akan menjana kolaborasi yang lebih utuh dengan semua media dan agensi luar melalui program outreach dan juga medium promosi yang lebih meluas seperti penggunaan electronic board.

* **Penerbitan PNM**

Sepanjang tahun 2010, PNM telah menerbitkan tiga (3) buah dalam bentuk bercetak iaitu *Sumber Histroografi di Alam Melayu*, *Bibliografi Najib Razak* dan *Tokoh-tokoh Perbukuan*. Selain itu, PNM juga telah menghasilkan penerbitan atas talian iaitu *Buletin Pustaka* sebanyak dua (2) keluaran dan *Sari Pustaka* sebanyak empat (4) keluaran.

* **Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

R&D dalam bidang perpustakaan dan kepustakawan adalah salah satu tonggak terpenting dalam usaha mengukuhkan profesion pustakawan di Malaysia. Kejayaan R&D adalah kritikal bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan bagi membolehkan kita meneliti semula dan merencana hala tuju berdasarkan kekuatan dan peluang yang dimiliki hasil daripada output kajian-kajian terdahulu. Pada tahun 2010, sebanyak tiga (3) kajian telah berjaya dilaksanakan iaitu Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia 2010, Kajian Keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni 2010 dan Kajian Minat Membaca di Kalangan Pengguna Perpustakaan Desa (PD) 2010. Kajian Profil Membaca akan memperlihatkan tahap keberkesanan Program Galakan Membaca yang kita laksanakan dan akan dapat membantu membuat dasar negara dalam menilai ketamadunan ilmu masyarakat di masa akan datang.

Peristiwa Penting



12 Januari 2010

<<< Perutusan Tahun Baru 2010 PNM yang disertai oleh semua warga PNM.

28 Januari 2010

Program Bicara Perdana bersama YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad sempena Bengkel Mencegah Kehilangan Memori di PNM.

>>>



18 Februari 2010

<<< YBhg Datuk Normah Md. Yusof, Ketua Pengarah MAMPU di Majlis Pelancaran dan Penyerahan Dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Perpustakaan Negara Malaysia di PNM.

22 Februari 2010

YB Dato' Hj. Mohd Zaim bin Hj Abu Hasan, ADUN Belanja, Parit, Perak di Majlis Perasmian >>>
Perpustakaan Desa Tanjung Belanja dan Karnival Membaca 1Malaysia.





24 Mac 2010

Majlis Pelancaran Wajah Baru Utusan Jawi yang telah disempurnakan oleh YB Dato Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK di PNM.

>>>



31 Mac 2010

Majlis Pelancaran Buku Najib: A Sense of Mission yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK di PNM.

>>>



2 Mac 2010

YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK di Majlis Pelancaran Program Mari Membaca 1Malaysia di PNM.

<<<



28 Mac 2010

YAB Dato' Sri Najib Tun Abd Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama YBhg Dato' Raslin Abu Bakar di Majlis Pembacaan Buku Menakhoda Zaman sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2010 di PWTC.

<<<



21 April 2010

Majlis Pelancaran Ikon Membaca 1Malaysia : YBhg Dato Michelle Yeoh yang telah disempurnakan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri KPKK di PNM.

<<<



16 Mei 2010

YBhg Dato' Sri Kamarudin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK di Majlis Menandatangani Perjanjian Pengambilalihan

>>>

Khidmat Pengurusan Sumber Manusia Perpustakaan

Awam Negeri Perlis di bawah PNM di Perlis.



16 Julai 2010

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz,

Timbalan Menteri KPKK

>>>

sedang meneliti salah satu dari bahan

di Koleksi Nadir semasa Lawatan Kerja Rasmii ke PNM.



22 April 2010

<<< YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK

di Majlis Perasmian Program Mari Membaca

1 Malaysia di SMK Gedangsa Hulu Bernam.



21 Jun 2010

Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Tambahan PNM

oleh Tuan Hj. Ir. Adanan Sukri Musa,

Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

kepada KPKK yang diwakili oleh YBhg Dato'

Dr Rothiah Omar, Timbalan Ketua Setiausaha

(Penerangan) KPKK di Bangunan Tambahan PNM.



29 Julai 2010

<<< Majlis Penyampaian Hadiah kepada Pemenang bagi

Pertandingan Akhir Pidato 1Malaysia yang disempurnakan

oleh YBhg Dato' Dr. Mohammed Najib bin Ahmad Dawa,

Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

(ASWARA) di Auditorium DBP.



24 Oktober 2010

Majlis Penyerahan Sijil Malaysia Book of Records bagi Penganjuran 1Malaysia Sejuta Puisi yang disempurnakan oleh YBhg Dato' Dr Rothiah Omar, Timbalan Ketua Setiausaha (Penerangan) KPKK di PNM.

>>>



8 November 2010

Encik John Hickok Pustakawan dari California State University dan Encik Gerald George, Pengarah Lincoln Resource Centre, US Embassy semasa sesi khas A Round Table Discussion on U.S & International Networking Opportunities for Malaysian Libraries di Bilik Mesyuarat Lembaga, PNM.

>>>



16 Oktober 2010

Penerangan aktiviti pemuliharaan semasa Lawatan YB Pehin Orang Kaya Laila Diraja Dato Paduka Awang Hj Hazair Hj Abdullah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Brunei ke PNM sempena Program Titian Budaya Brunei Darussalam – Malaysia di PNM.

<<<



25 Oktober 2010

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK di Majlis Pelancaran Travelog Kembara Buku di PNM.

<<<



10 Disember 2010

YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri KPKK di Majlis Pelancaran Buku The Time & Chimes of Joe Chelliah di KPKK.

<<<

Pengurusan

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga (3) program dan enam (6) aktiviti seperti berikut:

* Program Pengurusan

- Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat
- Aktiviti Teknologi Maklumat

* Program Pembangunan Perpustakaan

- Aktiviti Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Aktiviti Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

* Program Perkhidmatan Maklumat

- Aktiviti Perkhidmatan Maklumat Malaysiana
- Aktiviti Perkhidmatan Maklumat Umum
- Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional

Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mengandungi dua (2) Bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mengandungi empat (4) unit yang menjalankan fungsi seperti berikut:

- Khidmat Pengurusan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Perancangan Sumber Manusia
- Kewangan

* Khidmat Pengurusan

Fungsi utama Unit Khidmat Pengurusan adalah urusan pentadbiran Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan keselamatan bangunan, penyenggaraan

bangunan, urusan kenderaan Jabatan, kantin dan sebagainya. Bahagian ini juga menjadi urus setia kepada beberapa aktiviti seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Perhimpunan Bulanan.

* Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat swasta iaitu Hitech Skills Sdn. Bhd. yang dilantik secara kontrak. Kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat tersebut adalah penyenggaraan bangunan termasuk dari segi sistem sivil, mekanikal dan elektrik; pembersihan dalam bangunan, pembersihan kawasan dan lanskap; dan pengawalan makhluk perosak. Sepanjang tahun 2010, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, pengindahan kawasan dan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.

* Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat tiga (3) jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu Jawatankuasa Mencegah Kebakaran; Jawatankuasa Pelan Kontingensi dan Jawatankuasa Pertolongan Cemas. Urusan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberi kepada Syarikat Exact Security Services (M) Sdn. Bhd.

* Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2010, Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai tiga (3) kategori jawatan seperti di Jadual berikut.

PERJAWATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KUMPULAN	JUMLAH JAWATAN	JUMLAH PENGISIAN
Pengurusan Tertinggi	2	2
Pengurusan Profesional	143	138
Kumpulan Sokongan	353	335
JUMLAH	498	475

Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di mana Ketua Pengarah PNM sebagai Ketua Perkhidmatan. Jabatan ini juga dibantu oleh pegawai dan kakitangan daripada Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Gunasama Akauntan Negara dan Perkhidmatan Gunasama Kementerian Penerangan.

Di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan terdapat tiga (3) skim perkhidmatan iaitu Pustakawan; Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia bertanggungjawab dalam menguruskan pelantikan (bagi jawatan-jawatan tertentu), penempatan dan pertukaran, pengesahan taraf berpencen, kenaikan pangkat, pergerakan gaji tahunan, urusan tatatertib dan persaraan.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dalam Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Kader Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai yang ditempatkan di Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di jadual berikut:

PERJAWATAN KADER PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

JAWATAN	BILANGAN
Pustakawan	185
Penolong Pegawai Perpustakaan	181
Pembantu Perpustakaan	1,090
JUMLAH	1,456

Bagi Jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan ini hanya menguruskan penempatan, pertukaran, perlepasan jawatan dan kenaikan pangkat sahaja, manakala urusan perkhidmatan yang lain diuruskan sendiri oleh agensi-agensi berkenaan.

* Perancangan Sumber Manusia

Fungsi Unit ini adalah seperti merancang keperluan tenaga manusia bagi Jabatan dan memastikan tenaga kerja yang baru dilantik mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugasnya.

PELANTIKAN, PERSARAAN DAN PERLETAKAN JAWATAN

KUMPULAN	JUMLAH
Pelantikan	
• Pustakawan	20
• Penolong Pegawai Perpustakaan	28
• Pembantu Perpustakaan	39
Persaraan	
	7
Perletakan Jawatan	
	4

* Aktiviti-aktiviti

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Perhimpunan Bulanan dan Perutusan Tahun Baru di mana pada tahun 2010, Jabatan telah mengadakan tiga (3) kali perhimpunan bulanan.

* Kewangan

Sepanjang tahun 2010, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah RM96,039,347.00 untuk belanja mengurus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM89,046,518.33 dengan peratus perbelanjaan 92.7%.

PNM mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80)(Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006). Selain daripada itu, PNM juga mempunyai satu Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.

Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perpustakaan Negara Malaysia 2010

1. **Salbiah binti Mohammad Yusof**
Pustakawan Gred S54
2. **Ab. Rahman bin Mohamed Nor**
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54
3. **Munazzah binti Zakaria**
Pustakawan Gred S48
4. **Abdul Majid bin Hamid**
Pustakawan Gred S48
5. **Norazwana binti Yusop**
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48
6. **Wan Mohamad Fazali bin Mohd Salleh**
Pustakawan Gred S44
7. **Beghum Ulhat Shehnaaz binti Amir Razli**
Pustakawan Gred S41
8. **Noraini binti Ya'cub**
Pustakawan Gred S41
9. **Mohd Shah bin Abu Kassim**
Pustakawan Gred S41
10. **Anis binti Mat Saad**
Pustakawan Gred S41
11. **Abdul Jalil bin Awang**
Pustakawan Gred S41
12. **Iliza binti Ismail**
Pustakawan Gred S41
13. **Suzilawati binti Salamat**
Pustakawan Gred S41
14. **Effah Imtiaz binti Zainol**
Pustakawan Gred S41
15. **Nor Azila binti Mohd Noor**
Pustakawan Gred S41
16. **Siti Nurhafizah binti Bahari**
Akauntan Gred W41
17. **Cherana Anak Moh**
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27
18. **Noorzaitul Akmam binti Md Khalid**
Setiausaha Pejabat Gred N27
19. **Hasmah binti Atan**
Pembantu Perpustakaan Gred S22
20. **Siti Hajar binti Saad**
Pembantu Perpustakaan Gred S22
21. **Rusiah binti Awang**
Pembantu Perpustakaan Gred S22
22. **Noor Aini binti Hassim**
Pembantu Perpustakaan Gred S22
23. **Rohanah binti Hamzah**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
24. **Norsabry Sham bin Abdul Aziz**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
25. **Marzihan binti Mohamad**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
26. **Roslelawati binti Ali**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
27. **Nurlizawati binti Rosli**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
28. **Mohd Firdaus bin Bakar**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
29. **Juhan bin Salleh**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
30. **Shamil Hartini binti Mohd Nor**
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
31. **Mohd Imran bin Ishak**
Pembantu Perpustakaan Gred S17
32. **Nurjamieah binti Azmi**
Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17
33. **Kamaruzzaman bin Abdul Razak**
Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3
34. **Anusia A/P Muniandy @ C.Muniandy**
Pembantu Am Pejabat Gred N4 (KUP)
35. **Mohamad Firdaus bin Omar**
Pembantu Am Pejabat Gred N1

Pembangunan Sumber Manusia

* Pendahuluan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran semua warga PNM serta staf di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dan Perpustakaan Desa. Program latihan yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia termasuklah kursus, bengkel, ceramah, penghantaran pegawai bagi mengikuti kursus di dalam dan luar negara, lawatan sambil belajar dan penempatan individu daripada organisasi luar di Bahagian-bahagian di PNM.

Selain itu, PNM juga bertanggungjawab menyelaras dan melaksana Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan), Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan Ujian Menaip bagi Pembantu Perpustakaan Gred S17. Bagi tahun 2010, PNM telah mencatatkan pencapaian 95% pegawai dan kakitangan PNM yang menghadiri kursus / bengkel / ceramah / persidangan dan lain-lain kursus yang dianjurkan oleh PNM ataupun organisasi luar melebihi 7 hari dan ini selari dengan objektif kualiti PNM iaitu memberi latihan yang sesuai kepada kakitangan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun dengan varian 10%.

* Kursus / Bengkel Anjuran Jabatan

Sebanyak 46 kursus telah dijalankan pada tahun 2010 di mana 28 kursus fungsional dan 18 kursus generik telah diadakan dengan jayanya.

* Kursus/Bengkel/Seminar/Persidangan di Luar Jabatan

Sebanyak RM 51,449.00 telah dibelanjakan oleh PNM bagi memberi ruang dan peluang kepada kakitangan PNM untuk menghadiri kursus/bengkel/seminar dan persidangan di luar Jabatan. Secara keseluruhan, PNM telah menghantar seramai 86 orang pegawai dan kakitangannya untuk menghadiri 39 kursus yang dianjurkan oleh agensi swasta, badan berkanun, institusi pendidikan tempatan dan agensi swasta secara

berbayar. Manakala bagi kursus percuma, PNM telah menghantar sejumlah 140 orang pegawai dan kakitangan ke jabatan-jabatan kerajaan bagi menghadiri 19 kursus/bengkel/seminar dan persidangan.

* On-Site Training

PNM juga menawarkan khidmat latihan kepada agensi luar seperti kementerian, jabatan kerajaan dan negeri, institusi pendidikan dengan menyediakan modul-modul dan penceramah yang berkaliber seperti yang diperlukan oleh institusi berkaitan. Pada tahun 2010, BPSM telah membantu sejumlah 10 agensi/jabatan luar bagi menjalankan kursus yang melibatkan 340 orang peserta.

* Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)

PNM telah berjaya melaksanakan Program International Library Management Course for Librarians yang telah diadakan di PNM. Peruntukan sebanyak RM 173,836.00 telah diluluskan oleh Kementerian Luar Negeri yang mana sejumlah RM 164,502.00 telah dibelanjakan untuk keperluan kursus ini. Seramai 20 peserta daripada 17 buah negara telah terlibat dalam kursus ini.

* Kursus/Seminar/Persidangan di luar Negara

PNM telah menerima peruntukan One-Off Luar Negara daripada KPKK berjumlah RM 100,000.00 untuk menghantar pegawai dan kakitangannya ke luar negara bagi menghadiri kursus/seminar dan persidangan di sana. Bagi tahun 2010, seramai 11 orang peserta telah dipilih bagi mewakili PNM untuk menghadiri kursus/seminar dan persidangan ke luar negara.

* Latihan Praktik dan Penempatan

PNM buat julung-julung kalinya telah menerima peserta daripada luar negara iaitu daripada Pusat Sejarah Brunei dan Arkib (3 orang) dan National Archive of Sri

Lanka (1 orang). Ini membuktikan bahawa PNM telah mula dikenali di peringkat antarabangsa sebagai pusat latihan terbaik di rantau ini dan kemampuan PNM mengendalikan latihan praktik bagi peserta daripada luar negara. BPSM juga turut menerima sejumlah 14 orang peserta daripada institusi pendidikan yang telah menjadikan PNM sebagai pilihan utama mereka bagi melaksanakan latihan praktik.

* Peperiksaan

Bagi tahun 2010, PNM telah melaksanakan sejumlah tiga (3) peperiksaan Subjek Jabatan dan tiga (3) Ujian Kederasan Menaip bagi tujuan pengesahan dalam jawatan. Sejumlah 2,089 calon telah menduduki keenam-enam peperiksaan ini yang berlangsung dengan jayanya.

* Kursus Pengurusan Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Desa

Sebanyak lima (5) kursus/bengkel telah dilaksanakan kepada kakitangan Perpustakaan Desa PNM dan petugas Perpustakaan Desa PAN dan kakitangan Perpustakaan Awam Negeri dengan menggunakan peruntukan latihan di bawah bajet 50:50 PAN. Sejumlah 336 orang peserta telah berjaya mengikuti kursus yang telah dilaksanakan oleh PNM.



Bengkel Mencegah Kehilangan Memori Organisasi Perpustakaan pada 26 - 27 Januari 2010.



Majlis Penutup Kursus Asas Pembantu Perpustakaan pada 9 April 2010.



Peserta kursus MTCP bergambar bersama Ketua Pengarah PNM.

Perancangan dan Perhubungan Korporat

Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan dan Bahagian Penerbitan. Antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh ketiga-tiga bahagian ini adalah pengurusan mesyuarat, perancangan strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM, Sistem Pengurusan Kualiti, hal ehwal parlimen, perhubungan awam, hal ehwal antarabangsa, dasar awam, penyelidikan perpustakaan, pengumpulan dan analisa data statistik dan penerbitan.

* Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM

Dalam usaha untuk mengukur prestasi perkhidmatan ke arah pencapaian kualiti perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia, beberapa Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama telah difokuskan kepada tujuh (7) perkara seperti di m/s 88.

* KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK

Pencapaian KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) seperti di m/s 89.

* Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM

Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM telah diadakan sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2010 iaitu 17 Mac 2010 dan 18 November 2010. Pelantikan Pengerusi dan

tujuh (7) orang Ahli Lembaga Penasihat PNM yang baru oleh YB Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan adalah berkuatkuasa mulai bulan Oktober 2010 hingga September 2013.

* Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM

Dalam usaha untuk melicinkan jentera pentadbiran PNM dan kepimpinan, sebanyak 12 kali Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM telah diadakan sepanjang tahun 2010

* Mesyuarat Pengurusan PNM

Mesyuarat Pengurusan PNM merupakan mesyuarat peringkat tertinggi dalam bidang kepustakawanan di PNM. Sepanjang tahun 2010, sebanyak sembilan (9) kali mesyuarat telah diadakan iaitu pada 21 Januari, 25 Februari, 6 April, 18 Mei, 22 Jun, 16 Ogos, 23 September, 18 Oktober dan 16 Disember 2010.

* Hal Ehwal Parlimen

Sepanjang tempoh mesyuarat di Parlimen bagi Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara 2010, sebanyak 10 soalan telah diterima dan dijawab yang meliputi pelbagai jenis soalan seperti berikut:

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT	PERTANYAAN	
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN
PERTAMA (15 MAC – 15 APRIL 2010)	TIADA	1
KEDUA (7 JUN – 13 JULAI 2010)	5	TIADA
KETIGA (11 OKTOBER – 16 DISEMBER 2010)	1	TIADA

DEWAN NEGARA

MESUARAT	PERTANYAAN	
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN
PERTAMA (26 APRIL – 6 MEI 2010)	1	TIADA
KEDUA (19 JULAI – 3 OGOS 2010)	2	TIADA
KETIGA (13 DISEMBER – 22 DISEMBER 2010)	TIADA	TIADA

* SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Sepanjang tahun 2010, pelbagai aktiviti yang melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti telah dilaksanakan selaku urus setia seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak dua (2) kali dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 sebanyak empat (4) kali. Selain daripada itu, sebanyak dua (2) kali bengkel/kursus dan satu (1) sesi taklimat berkenaan penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti telah berjaya diadakan.

* Liputan Media

PNM juga telah mendapat liputan media yang merangkumi media cetak dan media elektronik. Sebanyak 217 liputan daripada media cetak, manakala 75 media elektronik daripada pelbagai media untuk majlis yang dianjurkan oleh PNM.

* Lawatan Rasmi dan Berpandu

Sepanjang tahun 2010, PNM telah menjalankan lawatan rasmi dan berpandu sebanyak 120 yang merangkumi lawatan dalam negeri sebanyak 110 dan luar negara sebanyak 10. Seramai 5,199 orang pelawat dari dalam negeri manakala seramai 128 pelawat luar Negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

* Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan telah diadakan pada 2 September 2010 di Perpustakaan Negara Malaysia. Kumpulan NADI dari Bahagian Pemuliharaan telah muncul sebagai

Johan, Kumpulan Inovasi7 dari Pusat Bibliografi Negara sebagai Naib Johan dan Kumpulan EVO21 dari Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat sebagai pemenang tempat ketiga.

* Liberalisasi Sektor Perkhidmatan Perpustakaan Di Malaysia

Sektor Perkhidmatan merupakan pemacu utama negara yang menyumbang kepada 54% KDNK negara. Di bawah Asean Framework Agreement of Services (AFAS), sumbangan perkhidmatan perpustakaan kepada industri maklumat juga tidak kurang pentingnya di mata negara ASEAN. Cadangan peningkatan liberalisasi dari 51% kepada 70% adalah selaras dengan komitmen PNM terhadap dasar liberalisasi kerajaan. Penglibatan dan penyertaan ekuiti asing dalam sektor perkhidmatan perpustakaan di Malaysia akan membawa faedah daripada aspek pemindahan teknologi, peningkatan perkhidmatan perpustakaan dan juga akses kepada dunia maklumat antarabangsa.

* Penyelidikan

Sepanjang tahun 2010, sebanyak tiga (3) kajian telah dijalankan iaitu Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia 2010; Kajian Keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni KPKK 2010; dan Kajian Tabiat Membaca di Kalangan Pengguna Perpustakaan Desa (PD) 2010.

* Penerbitan

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebarluaskan maklumat kepada masyarakat. Sebanyak sembilan (9) penerbitan telah diterbitkan oleh PNM pada tahun 2010.

Pembangunan Perpustakaan

Pengenalan

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat Malaysia membaca serta membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memudahkan akses kepada sumber ilmu dan maklumat melalui rangkaian dan infrastruktur yang terancang. Sehingga Disember 2010 terdapat beberapa program dan projek yang telah dilaksanakan seperti berikut:

• Projek Perpustakaan Negara Malaysia

Pada tahun 2010 sebanyak RM18.6 juta disediakan untuk projek pembangunan PNM bagi tujuan pembinaan bangunan tambahan PNM. PNM telah menyalurkan waran peruntukan kepada JKR Wilayah sebanyak RM16 juta iaitu 86% daripada jumlah yang diperuntukkan.

Projek pembinaan bangunan tambahan PNM ini telah siap sepenuhnya pada 31 Mei 2010 dan telah diserahkan oleh JKR Wilayah Persekutuan kepada Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) yang diwakili oleh YBhg Dato' Rothiah Omar, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) pada 21 Jun 2010.



Bangunan Tambahan Perpustakaan Negara Malaysia.

* Projek Perpustakaan Awam Negeri

Pada tahun 2010, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM4.04 juta kepada PNM untuk mempertingkatkan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara. Sebanyak RM3.08 juta (76.2%) waran peruntukan telah disalurkan kepada JKR Ibu Pejabat Cawangan Kerja Bangunan Am bagi pelaksanaan dua (2) projek Perpustakaan Awam Cawangan seperti berikut:

(i) Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang

- Pada tahun 2010, sebanyak RM1.16 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang dan sehingga 31 Disember 2010, sebanyak RM380 ribu (33%) telah dibelanjakan.
- Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang telah siap sepenuhnya pada 10 Februari 2010 dan telah memulakan operasinya pada 1 September 2010. Bangunan perpustakaan ini juga telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri pada 18 Disember 2010.



Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang.

(ii) Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang

- Pada tahun 2010, sebanyak RM2.88 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang dan sehingga 31 Disember 2010, sebanyak RM2.7 juta waran peruntukan telah disalurkan kepada JKR.

- Perpustakaan Awam Cawangan Pekan Pahang telah siap sepenuhnya pada 12 Disember 2010. Bangunan ini secara rasmi telah diserahkan oleh JKR Pekan Pahang kepada pihak PKKK yang diwakili oleh Encik Azemi Haron, Setiausaha Bahagian Pengurusan (Kanan) dan PNM pada 30 Disember 2010.



Perpustakaan Awam Cawangan Pekan, Pahang.

* Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan dan Program Membaca Perpustakaan Awam Negeri

Pada tahun 2010 sebanyak dua (2) mesyuarat telah dilaksanakan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Negeri Sabah dan Pustaka Negeri Sarawak berinteraksi dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia serta membincangkan isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan khususnya dan bidang kepustakawanannya amnya serta pelaksanaan program membaca. Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan dan Program Membaca Perpustakaan Awam Negeri Bil. 1/2010 pada 8 Jun 2010 telah diadakan di PNM dan Bil. 2/2010 pada 9 Disember 2010 di Hotel Sunway, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

* Majlis Perasmian Perpustakaan Awam Cawangan

Pada tahun 2010, hanya satu (1) Perpustakaan Awam Cawangan yang telah dirasmikan iaitu Perpustakaan Awam Cawangan Bertam, Pulau Pinang. Perasmian telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri pada 18 Disember 2010.

* Perasmian Perpustakaan Desa (PD)

Pada tahun 2010 sebanyak 11 buah PD telah dirasmikan melibatkan tiga (3) buah Negeri iaitu dua (2) PD di Negeri Melaka, dua (2) PD di Perak dan tujuh (7) PD di Pulau Pinang.

KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Objektif Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) adalah untuk memantapkan pembangunan perpustakaan di seluruh negara melalui khidmat nasihat dan perundingan. BKNP juga mempunyai objektif untuk memantapkan peranan kepimpinan Jabatan dalam pembangunan perpustakaan dan kepustakawan di seluruh negara.

* Fungsi Utama Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan

- Merancang dan menyediakan khidmat nasihat dan perundingan kepada perpustakaan khusus.
- Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Perkhidmatan Perpustakaan Gunasama.
- Merancang dan menyediakan khidmat perundingan penubuhan perpustakaan dan naik taraf perpustakaan sedia ada atas permohonan.
- Mengadakan penempatan di perpustakaan yang dikenalpasti.

* Pencapaian Prestasi Aktiviti

Khidmat Nasihat

Pada tahun 2010 PNM telah melaksanakan sebanyak 77 kali aktiviti khidmat nasihat. Fokus utama BKNP dalam menjalankan khidmat nasihat adalah di kalangan perpustakaan khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di seluruh negara.

Khidmat Perundingan

Pada tahun 2010 PNM telah melaksanakan sebanyak sembilan (9) kali khidmat perundingan. Sebanyak 14 kertas cadangan dan laporan telah disediakan bagi setiap khidmat perundingan yang dilaksanakan. Khidmat perundingan telah diberikan kepada perpustakaan khusus kerajaan, badan berkanun, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berdasarkan kepada permohonan yang diterima.

Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan 2010

PNM telah melaksanakan empat (4) Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan sepanjang tahun 2010 iaitu:

- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan bersama Penyelia Zon Selatan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2010, pada 8 – 9 Mei 2010 di Hotel Avillion Legacy, Melaka.

- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan dengan Anggota Sokongan Zon Selatan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2010, pada 9 – 10 Mei 2010 di Hotel Avillion Legacy, Melaka.
- Mesyuarat Pengurusan Institut Latihan/Penyelidikan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2010 pada 25 – 27 Oktober 2010 di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang.
- Mesyuarat Pengurusan Kementerian/Jabatan Kerajaan Peringkat Ikhtisas Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2010 pada 14 Oktober 2010 di Hotel Avillion Legacy, Melaka.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan yang bertugas di perpustakaan khusus berbincang secara bersemuka dengan Ketua Pengarah selaku Ketua Pekhidmatan Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan tentang isu dan masalah pengurusan perpustakaan khusus, memantapkan perkhidmatan perpustakaan di organisasi masing-masing serta memupuk persefahaman dan jalinan kerjasama antara mereka.

Seminar

Satu Seminar Inisiatif Digital : Memperkasakan Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan telah diadakan pada 13 Disember 2010 di Hotel Avillion Legacy, Melaka. Ia telah dihadiri seramai 101 peserta daripada pegawai ikhtisas PNM dan perpustakaan gunasama di seluruh negara. Ia diadakan sempena Mesyuarat Pengurusan Kementerian / Jabatan Kerajaan Peringkat Ikhtisas Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan.

Penerbitan Buku Garis Panduan Perpustakaan Khusus Edisi Ke-2

Buku *Garis Panduan Perpustakaan Khusus Edisi ke-2* telah diterbitkan pada Oktober 2010. sebanyak 2000 naskah telah dicetak sebagai panduan kepada semua perpustakaan khusus di negara ini.



Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan di Avillion Legacy Melaka pada 12-14 Disember 2010.

Koleksi Perpustakaan

PENDOKUMENTASIAN

Monograf

Sepanjang tahun 2010 sebanyak 12,885 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam negara yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah dikatalog dan sebanyak 13,784 judul bahan monograf untuk rujukan dan pinjaman telah dikatalog melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 5,806 judul bahan Malaysiana dan 7,978 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 7,765 judul kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP), sebanyak 8,060 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia telah disediakan. Sepanjang tahun 2010 sebanyak 693 penerbit baru telah menyertai perkhidmatan ini di mana 54 adalah penerbit kerajaan dan 639 lagi adalah penerbit bukan kerajaan.

Terbitan Bersiri

Sebanyak 640 judul terbitan bersiri telah dikatalog iaitu 405 judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 235 judul melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 91 judul bahan Malaysiana dan 144 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 482 (26 judul baru) judul majalah dalam negara yang mengandungi artikel penting dikesan dan sebanyak 3,229 artikel indeks dan boleh dicapai dalam talian.

Sumber Media dan Elektronik

Sebanyak 1,206 judul bahan sumber media dan elektronik telah dikatalog iaitu 407 judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 799 judul melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 418 judul bahan Malaysiana dan 381 judul bahan bukan Malaysiana.

Pangkalan Data Penerbit

Pelancaran Pangkalan Data Penerbit telah diadakan pada 24 Julai 2009 dan juga telah dipaparkan dalam laman web PNM pada hari yang sama. Sebanyak 11,769 entri data penerbit telah diinput di dalam pangkalan data penerbit ini.

PEROLEHAN

Dalam usaha memperkuatkan koleksi perpustakaan, PNM terus mempergiat program perolehan pelbagai sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2010, jumlah kumulatif koleksi PNM adalah 3,365,455 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperoleh sepanjang tahun 2010 di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 adalah sebanyak 180,445 unit, melalui pembelian sebanyak 89,617 unit dan melalui hadiah dan pertukaran sebanyak 3,376 unit.


Perkhidmatan Malaysiana

RUJUKAN MALAYSIANA


Salah satu peranan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ialah menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan. (PNM) adalah bertanggungjawab bagi mengurus koleksi Malaysiana bagi kegunaan pembaca dan menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat berasaskan koleksi tersebut. Sehubungan ini, pada tahun 2010, Perkhidmatan Malaysiana telah berpindah ke bangunan baru iaitu Menara PNM, bagi memperkasakan

perkhidmatan sedia ada. Perkhidmatan Malaysiana menduduki lima (5) tingkat iaitu dari Aras 6 hingga Aras 10. Perkhidmatan Kaunter Pusat Maklumat Malaysiana terdiri daripada enam (6) kaunter keseluruhannya iaitu Kaunter Terbitan Bersiri dan Kaunter Surat Khabar Malaysiana di Aras 6, Kaunter Monograf Malaysiana di Aras 7, Kaunter Folio Malaysiana di Aras 8, Kaunter Terbitan Kerajaan dan Perundangan di Aras 9 dan Kaunter Koleksi Khas di Aras 10. Keseluruhan koleksi Malaysiana pada tahun 2010 berjumlah kira-kira 1,029,211 naskhah (Jadual I).

KOLEKSI MALAYSIANA 2010



JADUAL 1



JADUAL II

Bagi mempromosi koleksi serta Perkhidmatan Malaysiana, pelbagai aktiviti seperti pameran dan program keilmuan telah dijalankan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2010. Pameran Bertatah Wawasan Melapah Zaman... Tunjang Negara Sepanjang Masa: Tun Dr. Mahathir Mohamad; Pameran Kenali Warisan Kita: Koleksi Buku Nadir dan Manuskip Melayu; Pameran Titisan Terimba Bahasa Melayu; serta Pameran Nadir: Merungkai Perspektif Sejarah telah berjaya diadakan dan memberi impak positif kepada pengunjung perpustakaan.

Program Keilmuan seperti Bicara Buku Malaysiana bersama YB Senator Tan Sri Datuk Dr Jins Shamsuddin telah membincarkan tesis beliau berjudul Filem Melayu 1930-an hingga 1960-an sebagai Citra Budaya dan Sejarah Negara sempena Hari Buku dan Hak Cipta 2010. Manakala Program 1Malaysia Sejuta Puisi anjuran bersama PNM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim dengan kerjasama Malaysia Book Of Records telah berjaya dijalankan dengan penglibatan dan kehadiran pelbagai lapisan pengunjung perpustakaan.

PROGRAM/PAMERAN PUSAT MAKLUMAT MALAYSIANA 2010

PAMERAN/PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
Pameran Bertatah Wawasan Melaphar Zaman... Tun Dr . Mahathir Mohamad (sempena Program Bicara Perdana)	Ruang Legar Pameran, Aras 1, Anjung Bestari PNM	15 Januari – 16 April 2010
Pameran Titisan Terimba Bahasa Melayo	Teratak Bahasa, Aras 2, Anjung Bestari PNM	Mac – Jun 2010
Bicara Buku Malaysiana 'Filem Melayu 1930-an hingga 1960-an sebagai Citra Budaya dan Sejarah Negara' oleh Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsuddin	Auditorium, Anjung Bestari, PNM	7 Mei 2010
Pameran Kenali Warisan Kita: Koleksi Nadin di Pasar Seni	Pasar Seni, KL	Jun & Disember 2010
Pameran Koleksi Nadin (sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan – Allahyarham Tun Abdul Razak)	UPSI, Tanjung Malim, Perak	27 – 28 Mac 2010
Program 1Malaysia Sejuta Puisi	Laman PNM	22 – 24 Oktober 2010


MANUSKIP MELAYU

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab sebagai Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu dan Urus Setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi. Sehubungan itu, Pusat Manuskip Melayu telah berusaha melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2010 bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan manuskip Melayu sebagai warisan dokumen negara yang perlu dijaga dan dipelihara bagi mencungkil ilmu yang terkandung di dalamnya bukan sahaja untuk tatapan generasi kini malah untuk generasi akan datang.


PMM berusaha memantapkan koleksi manuskip Melayu asal melalui usaha pengesanan yang berterusan

dari semasa ke semasa. Sehingga tahun 2010, jumlah kumulatif koleksi manuskip Melayu telah bertambah menjadi 4323 naskhah di mana sebahagian judulnya amat sukar untuk diperoleh dan bersifat langka. Menyedari bahawa walaupun manuskip Melayu banyak dipunggah ke luar negara, PMM merasakan masih terdapat khazanah berharga ini yang wujud dalam simpanan individu-individu tertentu di negara ini. Justeru atas hambatan tersebut dengan mengambil kira faktor usia dan terdedahnya manuskip kepada faktor yang merosakkan dan memusnahkannya, usaha untuk menyelamat telah diambil sebelum khazanah berharga merangkap sumber premier pribumi ini terus lenyap ditelan zaman.

**PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**




KOLEKSI BAHAN YANG DIRUJUK 2010



Jadual II

Sejumlah 84 pertanyaan rujukan ringkas dan 158 pertanyaan rujukan penyelidikan diterima dan dijawab (Jadual III).

PERTANYAAN RUJUKAN DITERIMA 2010



Jadual III

Bagi mempromosi koleksi serta perkhidmatan Pusat Manuskip Melayu, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2010.

Sebagai langkah untuk memasyarakatkan manuskip Melayu di kalangan orang awam, Pameran "Seni Hias Manuskip Melayu", Pameran Manuskip Melayu sempena Program Mengenang Tun Abdul Razak, Pameran "Pemuliharaan Manuskip Melayu", Pameran Kenali Warisan Kita : Koleksi Nadir dan Manuskip Melayu, Pameran Manuskip Melayu Nusantara sempena Seminar Manuskip Nusantara, Pameran Hikayat Hang Tuah : Legenda Pahlawan Melayu,

Pameran Sempena Lawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam dan Pameran Manuskip Melayu sempena Program KLStar Holiday Carnival telah berjaya diadakan dan memberi impak positif kepada pengunjung pameran.

Program berbentuk ilmiah seperti Wacana Manuskip Melayu : Hang Tuah telah diadakan dan mendapat sambutan yang amat baik daripada pelajar-pelajar UPM, UM dan juga kakitangan PNM sendiri. Program ini membicarakan Hang Tuah dalam Sejarah Kesultanan Melaka : menyingkap maklumat daripada Sulalatus Salatin yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Abdullah Zakaria Ghazali dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

PROGRAM/ PAMERAN PUSAT MANUSKIP MELAYU 2010

PROGRAM/PAMERAN	TEMPAT	TARIKH
Pameran "Seni Hias Manuskip Melayu"	Bilik Penyelidikan PMM	15 Februari - 30 Mac 2010
Pameran Manuskip Melayu sempena Program Mengenang Tun Abdul Razak	UPSI, Tg. Malim	27 - 28 Mac 2010
Pameran "Pemuliharaan Manuskip Melayu"	Bilik Penyelidikan PMM	1 April - 15 Mei 2010
Pameran Kenali Warisan Kita : Koleksi Nadir dan Manuskip Melayu	Pasar Seni, Kuala Lumpur	11 - 13 Jun 2010
Pameran Manuskip Melayu Nusantara sempena Seminar Manuskip Nusantara	Perbadanan Perpustakaan Awam, Kedah	26 - 28 Jun 2010
Majlis Perasmian Pameran Hikayat Hang Tuah : Legenda Pahlawan Melayu	Auditorium, Aras2, PNM	26 Julai 2010
Demonstrasi Karikatur Hang Tuah	Ruang Pameran, Aras 1, PNM	26 Julai 2010
Wacana Manuskip Melayu : Hang Tuah	Bilik Serbaguna, Aras 1, PNM	30 Julai 2010
Pameran Hikayat Hang Tuah : Legenda Pahlawan Melayu	Ruang Pameran, Aras 1, PNM	1 Julai - 31 Ogos 2010
Pameran Sempena Lawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam	Ruang Pameran, Aras 1, PNM	Oktober 2010
Pameran Manuskip Melayu sempena Program KLStar Holiday Carnival	Pasar Seni, Kuala Lumpur	10 - 12 Disember 2010

PAKAR MAKLUMAT

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) juga telah dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan penyelidikan kepada pengguna perpustakaan dan orang ramai di samping berfungsi menyebarkan maklumat setempat kepada komuniti terpilih di sekitar Lembah Klang. Sepanjang tahun 2010, PNM telah berjaya memenuhi permintaan maklumat pengguna di mana sebanyak 110 soalan berbentuk penyelidikan telah diberi maklumbalas / jawapan. Selain itu, sebanyak 359 pertanyaan rujukan ringkas yang diterima melalui e-mel telah dapat diberi maklumbalas / jawapan dan sebahagian daripada pertanyaan penyelidikan serta rujukan ringkas terpilih telah berjaya diinput ke dalam pangkalan data i-Pakar (<http://i-pakar.pnm.my>) dalam modul FAQ bagi memudahkan pengguna mencapai maklumat pertanyaan yang sama.

Di samping itu, PNM juga menyediakan perkhidmatan pakejan maklumat kepada pengguna khususnya pelajar sekolah berdasarkan topik projek sekolah dan isu-isu semasa. Sebanyak 51 Pemakejan Maklumat telah berjaya disediakan berdasarkan kepada permintaan oleh pengguna semasa yang tinggi. Bagi memudahkan lagi capaian kepada pemakejan maklumat ini, pengguna boleh mengakses pemakejan maklumat yang sama secara atas talian menerusi modul Pemakejan Maklumat Digital dalam pangkalan data i-Pakar.

PNM telah berjaya memuat naik sebanyak 65 dokumen ke dalam pangkalan data Knowledge Bank, sebuah pangkalan data yang memuatkan maklumat-maklumat mengenai amalan terbaik (best practices) projek-projek yang dijalankan oleh PNM dalam bentuk kertas kajian, kertaskerja, kertas cadangan / makluman, kertas ilmiah, kertas pembentangan, laporan, teks ucapan dan seumpamanya oleh pegawai-pegawai PNM atau pakar / pegawai dari luar. Dokumen-dokumen ini adalah khas untuk diakses / rujukan warga PNM sahaja.

Bagi menyemarakkan lagi hubungan dan jalinan antara PNM dengan komuniti luar terutamanya di kawasan Lembah Klang, BPM telah mengadakan program outreach komuniti kerjasama pintar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan

Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Pada tahun 2010, program ini telah diberi pendekatan yang baru dan diperkemas serta dimantapkan sesuai dengan fungsi BPM yang menjurus kepada kemahiran pencarian dan penyelidikan maklumat. Program Outreach: Bengkel Teknik Pencarian dan Pemakejan Maklumat telah dimulakan dengan memilih tiga (3) buah sekolah menengah yang berada dalam enam (6) kawasan komuniti sedia ada sebagai projek rintis seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul pada 30 April 2010 (Jumaat); Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Ampang pada 27 Mei 2010 (Khamis) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Wilayah, Kuala Lumpur pada 2 Jun 2010 (Rabu).

Ketiga-tiga projek rintis ini telah terbukti mendapat sambutan yang amat memberansangkan. Objektifnya adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar sekolah mempelajari teknik dan kemahiran pencarian maklumat serta pemakejan maklumat bagi membantu mereka dalam menyediakan tugas projek dan pembelajaran sekolah.

Selain daripada aktiviti program outreach, PNM juga telah berjaya mengadakan 2 buah bengkel mengenai pencarian maklumat khas untuk warga PNM. Bengkel "Mahir Jejak Info" telah diadakan pada 11 November 2010 merupakan kesinambungan Bengkel Teknik Pencarian Maklumat melalui laman web i-Pakar dan i-Komuniti yang telah diadakan pada tahun 2009.

Bengkel ini telah diberi nafas baru dengan memperluaskan kandungan modul untuk mendedahkan peserta kepada kandungan tempatan lain yang terdapat di dalam Inisiatif Digital jabatan. Sebanyak 23 orang yang terdiri dari Kumpulan Sokongan I & II telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini telah berjaya mendapat kerjasama dari Kumpulan Subject Matter Expert (SME) yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia pangkalan-pangkalan data jabatan sebagai fasilitator. Bengkel Literasi Maklumat untuk Kumpulan Perunding Maklumat pula telah diadakan pada 26 November 2010 dan dihadiri oleh 18 orang pegawai kumpulan profesional. Fasilitator untuk bengkel tersebut merupakan pustakawan kanan dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang berjaya mendedahkan para peserta kepada teknik-teknik pencarian dan pengesanan maklumat secara berkesan.



7 Mei 2010

Program Bicara Buku : Filem Melayu 1930-an hingga 1960-an sebagai citra budaya dan sejarah negara oleh YB Senator Tan Sri Datuk Dr Jins Shamsudin.




30 Julai 2010

Program Wacana Manusrip Melayu : **>>>**
Hang Tuah di Bilik Serbaguna PNM.



30 April 2010

Program Outreach i-Komuniti : Bengkel Pencarian dan Pempakejan Maklumat di SMK Bandar Baru Sentul.



4 Jun 2010

Aktiviti kanak-kanak di Ruang Pameran PNM sempena Majlis Pelancaran Buku 'Mama Saya Lapar' karya Wardina Safiyyah.



Perkhidmatan Maklumat Umum

RUJUKAN UMUM

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab untuk menyediakan bahan rujukan monograf dan terbitan bersiri luar negara dalam semua bidang perkara melalui Perkhidmatan Maklumat Umum. Selain itu, PNM juga bertanggungjawab menyediakan Koleksi Khas seperti terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Koleksi Harvard dan ASEAN untuk rujukan pembaca.

Pada tahun 2010 seramai 47,246 pembaca telah menggunakan Perkhidmatan Maklumat Umum dan sebanyak 78,990 bahan telah dirujuk. Jumlah pertanyaan rujukan ringkas yang diterima dan dijawab pula adalah sebanyak 13,452 pertanyaan.

* Koleksi Monograf Luar Negara

Koleksi Monograf Luar Negara merupakan koleksi utama yang terdapat di bawah Perkhidmatan Maklumat Umum. Koleksi ini terdiri daripada bahan rujukan daripada terbitan luar negara seperti buku, direktori, kamus, ensiklopedia, atlas, almanak dan tesaurus meliputi pelbagai subjek. Pada tahun 2010, sebanyak 3,466 naskhah telah diterima untuk rujukan.

* Terbitan Bersiri Luar Negara

Koleksi Terbitan Bersiri yang dilanggan dari luar negara menyediakan pelbagai bahan maklumat dalam bentuk bercetak seperti surat khabar, majalah, jurnal, abstrak, dan indeks. Sebanyak 12 judul suratkhabar dan 220 judul majalah dan jurnal luar negara langganan semasa disediakan untuk pembaca. Penerimaan bahan terbitan bersiri pada tahun 2010 pula adalah sebanyak 1,222 naskhah, manakala penerimaan surat khabar adalah sebanyak 2,271 naskhah.

Koleksi Khas

* Koleksi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

PNM merupakan Pusat Penyerahan Terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1976. Sejak dengan peranan ini, bahan terbitan dan pelbagai agensi di bawah seperti IAEA, ILO, FAO, UNESCO, WHO, World Bank, IFC, IMF, WIFO, UNIDO, GATT diperolehi dalam bentuk monograf, laporan tahunan, terbitan bersiri dan helaian secara percuma. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 1,910 naskhah telah diterima.

* Koleksi Harvard

Koleksi ini dibangunkan dengan peruntukan daripada Kelab Alumni Harvard Malaysia sejak tahun 2000. Koleksi ini diterbitkan oleh Harvard University Press, Harvard Business School dan Harvard Business Publishing. Sebanyak 252 naskhah telah diterima pada tahun 2010. Manakala 3,613 naskhah telah dirujuk oleh pengguna.

* Koleksi ASEAN

Koleksi ASEAN mengandungi koleksi mengenai Negara-negara Asia Tenggara yang menganggotai ASEAN. Koleksi ini merangkumi pelbagai bidang perkara seperti sosial, kebudayaan, ekonomi, politik dan pembangunan warisan negara setiap negara. Sebanyak 14 naskhah telah diterima pada tahun 2010.

PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Majlis Pelancaran Dan Bengkel Community Of Practice (Cop), Techniques In Marketing Knowledge: Making Libraries More Competitive	18 Mac 2010
2.	Program Bicara Buku Menakhoda Zaman	28 Mac 2010
3.	Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia & Hak Cipta Sedunia 2010	23 April 2010
4.	Program Jualan Buku @ PNM	14 – 23 Mei, 26 Jun – 4 Julai, 31 Julai – 1 Ogos, 8 – 10 Oktober, 26 – 28 November dan 17 – 19 Disember 2010
5.	Laman Budaya Rakyat Dataran Merdeka	18 September, 25 September, 9 Oktober, 16 Oktober, 23 Oktober, 5 November dan 12 November 2010

KHIDMAT PELANGGAN

* Pendaftaran Ahli PNM

Seramai 56,676 orang telah mendaftar sebagai ahli PNM bagi tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, seramai 46,249 adalah dari kategori dewasa manakala 10,427 adalah merupakan kategori kanak-kanak. Jumlah keahlian PNM secara kumulatif sehingga 31 Disember 2010 adalah seramai 922,006 orang. Kempen keahlian luar jabatan telah diadakan di 98 lokasi yang melibatkan sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk di luar Kuala Lumpur seperti di Putrajaya, Selangor, Pahang, Melaka, Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Johor.

* Pameran

Pameran merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pertambahan pengunjung ke PNM. Pada tahun 2010, Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya melaksanakan sebanyak lima (5) pameran di Dewan Pameran PNM.

* Program Hari Bertemu Pelanggan

PNM menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pengunjung perpustakaan memberikan maklumat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan demi memenuhi kehendak pengunjung dari masa ke semasa. Pada tahun 2010, sebanyak tujuh (7) program yang telah dilaksanakan bertempat di Ruang Lobi, Aras 1, PNM pada 11 Mac, 29 April, 27 Mei, 24 Jun, 30 September, 28 Oktober dan 25 November 2010.

* Program Pendidikan Pengguna

Program Pendidikan Pengguna bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai sumber-sumber rujukan dan cara-cara untuk mengakses kepada sumber maklumat yang terdapat di PNM. Pada tahun 2010, sebanyak 23 program di sepanjang tahun telah diadakan berbanding 20 program pada tahun 2009 yang melibatkan seramai 1,044 orang pelajar. Para peserta adalah dari kalangan para pelajar sekolah menengah dan beberapa institusi lain sekitar Lembah Klang.

PINJAMAN

Bahagian Pinjaman sentiasa meneruskan usahanya untuk mencapai matlamat dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan melaksanakan program serta aktiviti galakan membaca kepada pengguna perpustakaan.

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan falsafah PNM iaitu bagi membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

* Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

Pada tahun 2010, sebanyak 775,882 naskah telah dipinjamkan kepada ahli. manakala 53,722 naskah dipinjam melalui Pinjaman Berkelompok dengan keahlian baru sebanyak 40 institusi/ jabatan.

Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok pula mempunyai seramai 240 ahli terdiri daripada jabatan kerajaan, sekolah, pusat sumber serta institusi swasta. Ini petanda baik di mana budaya membaca semakin mendapat tempat dihati masyarakat Malaysia.

* Perpustakaan Komuniti

Bagi menambahbaik mutu perkhidmatan yang ditawarkan serta meningkat dan memartabatkan PNM, satu Perpustakaan Komuniti telah dibina di AEON

Mahkota Cheras sebagai suatu entiti yang mempunyai kredibiliti dalam memenuhi ekspektasi pelanggan yang jauh dari premis PNM.

Bermula pada 28 April 2010, promosi keahlian dijalankan dan pada 1 Julai 2010, dua orang Penolong Pegawai Perpustakaan (Kontrak) telah ditempatkan. Didapati masyarakat setempat memanfaatkan dengan sebaik-baiknya kemudahan yang ada di perpustakaan tersebut.

STATISTIK PERPUSTAKAAN KOMUNITI AEON MAHKOTA CHERAS BULAN APRIL HINGGA DISEMBESER 2010

BIL	BULAN	PENGUNJUNG	PEMINJAM		KEAHLIAN
			ORANG	NASKAH	
1	April 2010	131	TIADA	PINJAMAN	214
2	Mei	623	TIADA	PINJAMAN	122
3	Jun	2905	TIADA	PINJAMAN	199
4	Julai	4301	440	1318	270
5	Ogos	2388	492	1400	151
6	September	2617	29	81	87
7	Oktober	3692	725	1318	82
8	November	2542	289	936	102
9	Disember	2176	312	912	94

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA


PERPUSTAKAAN KOMUNITI AEON JUSCO MAHKOTA CHERAS



Pintu masuk (dari luar).



Ibu bapa dan anak – anak bersama membaca.



Koleksi Dewasa dan kanak – kanak yang mengujakan pembaca.

* Aktiviti Galakan Membaca

Di samping memberi perkhidmatan pinjaman buku, PNM turut mengendalikan aktiviti galakan membaca atau aktiviti tambahan secara terancang dan teratur.

BIL.	TARIKH/HARI	MASA	AKTIVITI	SASARAN
1.	2 & 3 Mac 2010 (Selasa & Rabu)	11.00 pg- 12.00 tgh	Aktiviti Mewarna Sempena Lawatan Tadika UIA	Kanak-kanak (Tadika UIA)
2.	06. 03. 2010 (Sabtu)	10.00 pg – 1.00 ptg	Gubahan Pengantin	Kakitangan PNM/ Dewasa/ Remaja
3.	* 13. 03. 2010 (Sabtu)	9.00 pg – 4.00 ptg	Anak Bangsa Cemerlang 1 Malaysia Bersama Pelajar UiTM	Kanak-kanak 4-12 Tahun
4.	* 16. 03. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Slot Cerita Rakyat 1 Malaysia	Kanak-kanak 5-12 Tahun
5.	* 18. 03. 2010 (Khamis)	11.00 pg – 12.00 tgh	1. Gali Kata 2. Lawatan Sekolah Agama Meru, Klang.	Kanak-kanak 7-12 Tahun
6.	* 20. 03. 2010 (Sabtu)	10.00 pg – 1.00 ptg	Motivasi Cemerlang Peperiksaan	Remaja
7.	24. 03. 2010 (Selasa)		Sesi Bercerita: 1 Negara 1 Malaysia Mari Membaca Sempena Pesta Buku 2010 Di PWTC	Kanak-kanak
8.	17.04.2010 (Sabtu)	11.00 pg – 12.00 tgh	Love Bookworm	Kanak-kanak 6-12 Tahun
9.	29.04.2010 (Khamis)	10.00 pg – 12.00 tgh	Aktiviti 3 Serangkai (Bercerita, Bermain Dengan Nombor dan Sand Art) Bersama Tadika Seri Al-Amin	Kanak-kanak
10.	15. 05. 2010 (Sabtu)	10.00 pg – 1.00 ptg	Warni Warni Dunia Fotografi	Dewasa/ Remaja
11.	* 08. 06. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Membuat Boneka	Kanak-kanak 7-12 Tahun
12.	* 10. 06. 2010 (Khamis)	11.00 pg – 12.00 tgh	Words Puzzle	Kanak-kanak 7-12 Tahun
13.	* 12. 06. 2010 (Sabtu)	11.00 pg – 12.00 tgh	Brain Booster With Maths	Kanak-kanak 7-12 Tahun
14.	* 15. 06. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Kuiz Celik Minda Jawi	Kanak-kanak 7-12 Tahun
15.	* 17. 06. 2010 (Khamis)	11.00 pg – 12.00 tgh	Rantai Kunci Kreatif	Kanak-kanak 7-12 Tahun
16.	30. 06. 2010 (Rabu)	10 pg – 4.00 ptg	Persepakatan Pintar Bersama Naza Kia	Kanak-kanak
17.	10. 07. 2010 (Sabtu)	2.00 ptg – 4.00 ptg	Ceramah LPKKN	Dewasa
18.	24. 07. 2010 (Sabtu)	11.00 pg – 12.00 tgh	Siapa Cepat, Dia Dapat...	Kanak-kanak 7-12 Tahun
19.	25. 09. 2010 (Sabtu)	2.00 ptg – 4.00 ptg	Berfikir Secara Kreatif Dan Berkesan Bersama Samsuddin Kadir	Dewasa
20.	09. 10. 2010 (Sabtu)		Karnival Membaca Kanak-kanak 1 Malaysia Sempena Hari Kanak-kanak Sedunia Bersama Kelab Nuri Bank Rakyat	Kanak-kanak
21.	23. 10. 2010 (Sabtu)	2.00 ptg – 4.00 ptg	Suri Ke Dapur Bersama Celebrity Chef	Kakitangan PNM/ Dewasa
22.	13. 11. 2010 (Sabtu)	11.00 pg – 12.00 tgh	Bacalah Adikku	Kanak-kanak 6-12 Tahun
23.	* 23. 11. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Kraftangan Surat Khabar	Kanak-kanak 7-12 Tahun
24.	* 25. 11. 2010 (Khamis)	10.00 pg – 12.00 tgh	The Knowledge Discovery	Kanak-kanak 7-12 Tahun
25.	* 30. 11. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Permainan Dalaman	Kanak-kanak 7-12 Tahun
26.	* 02. 12. 2010 (Khamis)	11.00 pg – 12.00 tgh	Let's Read Aloud	Kanak-kanak 7-12 Tahun
27.	* 04. 12. 2010 (Sabtu)	11.00 pg – 12.00 tgh	Fun Clay	Kanak-kanak 4-12 Tahun
28.	* 09. 12. 2010 (Khamis)	11.00 pg – 12.00 tgh	Exploring Your Mind With Sand Art	Kanak-kanak 5-12 Tahun
29.	* 14. 12. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Ladybird Paper Craft	Kanak-kanak 5-12 Tahun
30.	* 16. 12. 2010 (Khamis)	11.00 pg – 12.00 tgh	Teka Silang Kata	Kanak-kanak 7-12 Tahun
31.	* 21. 12. 2010 (Selasa)	11.00 pg – 12.00 tgh	Keluarga Membaca... Keluarga Berjaya	Keluarga

* Aktiviti sempena cuti sekolah

Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)

PNM bertanggungjawab dalam penyampaian perkhidmatan maklumat di peringkat negara dan antarabangsa iaitu melalui penyediaan capaian yang mudah dan cepat kepada koleksinya. Selaras dengan kemajuan ICT dan hasrat Kerajaan ke arah mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan, PNM telah melaksana pelbagai inisiatif untuk mempertingkat dan menambahbaik capaian kepada sumber maklumat perpustakaan antaranya Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) dan Perkhidmatan Perpustakaan Ubiquitous (u-Pustaka).

* Perkhidmatan MyLib

MyLib merupakan satu portal yang dibangunkan sejak tahun 2000 di bawah Projek PERDANA yang menyediakan perkhidmatan capaian kepada sumber ilmu dalam bentuk digital secara atas talian daripada pelbagai pangkalan data sumber elektronik bagi tujuan rujukan, penyelidikan dan pembelajaran kepada pengguna perpustakaan di seluruh negara. Pada tahun 2010, MyLib yang boleh dicapai melalui alamat <http://mylib.pnm.my> menyediakan capaian kepada pangkalan data maklumat/jurnal elektronik/buku elektronik seperti EBSCOhost, Emerald, BLIS, NEXIS dan BOND, Ebrary dan Netlibrary dan pelbagai sumber maklumat elektronik lain.

Projek Rintis Perpustakaan Ubiquitous (U-Pustaka)

PNM telah memperluas jalinan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di negara ini melalui pelaksanaan Projek Rintis Perpustakaan Ubiquitous (u-Pustaka) iaitu satu inisiatif bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Projek Rintis ini yang telah dimulakan sejak tahun 2008 bertujuan untuk menyediakan satu perkhidmatan penyampaian maklumat yang lebih inovatif

bagi membolehkan rakyat meneroka maklumat tanpa sempadan waktu dan lokasi. u-Pustaka memanifestasikan sinergi kerjasama antara sektor perpustakaan dengan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta. Perpustakaan yang terlibat dalam projek rintis ini terdiri daripada Perpustakaan Negara Malaysia sendiri, Perpustakaan INTAN Bukit Kiara, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Negeri Sabah, Pustaka Negeri Sarawak, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Objektif u-Pustaka adalah untuk menjadikan maklumat dapat dicapai secara fizikal dan digital menerusi perluasan perkhidmatan jalur lebar, teknologi RFID (Radio Frequency Identification) dan portal serta kandungan; merealiasasikan kerjasama Sistem Rangkaian Perpustakaan bagi menggalakkan kolaborasi dan perkongsian sumber; dan penjanaan, perkongsian dan pertukaran maklumat bagi menggalakkan hubungan komuniti, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan mempererat rangkaian sosial di kalangan rakyat Malaysia.

Pembangunan u-Pustaka melibatkan penyepaduan tujuh (7) komponen iaitu prasarana jalur lebar; Portal u-Pustaka; perkhidmatan pinjaman secara terus menerusi pengintegrasian Sistem Pengurusan Perpustakaan dan teknologi RFID, saluran penghantaran buku melalui Pos Malaysia, pembayaran tanpa tunai serta akses kepada kandungan tempatan dan antarabangsa dalam bentuk fizikal dan digital. Katalog Induk Kebangsaan yang telah dibangunkan oleh PNM pada tahun 2006 menjadi salah satu komponen utama dalam pembangunan sistem u-Pustaka manakala Pusat Data PNM menjadi Pusat Pemulihan Data bagi u-Pustaka. Portal u-Pustaka telah disediakan untuk capaian orang ramai mulai 17 Disember 2010 di alamat www.u-library.gov.my atau www.u-pustaka.gov.my dan akan dilancarkan pada awal tahun 2011.

Katalog Induk Kebangsaan (KIK)

KIK merupakan salah satu perkhidmatan perkongsian sumber di kalangan 101 perpustakaan di Malaysia yang dihos dan diselaraskan oleh PNM. Perkhidmatan dalam talian ini menyediakan akses kepada sumber maklumat komprehensif mengenai bahan perpustakaan di Malaysia untuk rujukan pustakawan, penyelidik dan orang awam. Ia memberi deskripsi mengenai bahan dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak seperti buku, majalah, jurnal, laporan tahunan, surat khabar, peta, kaset, video, filem, sumber elektronik, cakera padat data dalam pelbagai bahasa.

Pada tahun 2010, KIK mencatatkan jumlah capaian perkhidmatan dalam talian PNM yang tertinggi iaitu sebanyak 4,089,895 berbanding dengan 6,443,690 jumlah keseluruhan penggunaan perkhidmatan dalam talian. Jumlah rekod yang boleh dicapai dalam pangkalan data KIK ialah sebanyak 4,860,579 dengan tambahan 120,341 rekod daripada 100 buah perpustakaan konsortium pada tahun 2010.

PEMBANGUNAN KANDUNGAN

PNM meneruskan aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan untuk menyediakan capaian yang lebih mudah dan cepat kepada pengguna. Sebanyak 1,893 naskhah bersamaan 158,635 muka surat bahan perpustakaan telah ditukar kepada format digital meliputi buku nadir, manusrip Melayu, bahan sumber media, kertas kerja dan artikel suratkhabar. Ini menjadikan jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan yang telah dibuat pendigitalan sebanyak 45,945 judul atau 783,804 muka surat.

PNM telah menggubal Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan sebagai panduan dan rujukan kepada semua perpustakaan di Malaysia.

Di samping aktiviti pendigitalan, PNM telah membangunkan pelbagai portal/laman web kandungan tempatan bagi memperkaya kandungan tempatan dalam bidang sejarah, warisan, kebudayaan dan pelbagai bidang perkara khusus lain. Jumlah capaian kepada kandungan tempatan ini pada tahun 2010 berjumlah 315,486. Antara portal/laman web yang mendapat

capaian tertinggi ialah Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa (International Islamic Digital Library) sebanyak 80,315 capaian, laman web Sejarah Malaysia sebanyak 75,788 capaian, laman web Warisan Budaya Malaysia 41,624 capaian dan Portal Yang DiPertuan Agong sebanyak 38,282 capaian.

PERKHIDMATAN DIGITAL

Pada tahun 2010, Perkhidmatan Digital menerima sebanyak 132,135 orang pengguna di mana sebanyak 33,102 bahan telah dirujuk meliputi sumber media dan elektronik dan 321,732 capaian kepada sumber maklumat dalam talian. Perkhidmatan Digital meliputi Perkhidmatan Hipermédia Dewasa, Perkhidmatan Hipermédia Kanak-kanak dan Perkhidmatan Zon Siber.

Seramai 26,588 orang pengguna telah menggunakan Perkhidmatan Hipermédia Dewasa. Antara perkhidmatan yang digunakan ialah capaian kepada koleksi buku elektronik (e-buku), e-video dan e-audio, koleksi Interactive Learning, perkhidmatan audio; program tayangan filem tempatan dan televisyen saluran Astro seperti CNN, Discovery, National Geographic, TV IQ, ESPN, Animal Planet dan Astro Ceria dan perkhidmatan Internet, laman sosial, e-mel dan muat turun maklumat yang dibenarkan.

Perkhidmatan Hipermédia Kanak-kanak pula telah menerima 35,496 orang pengguna yang berumur di antara 4 hingga 12 tahun. Perkhidmatan ini yang bertujuan memupuk minat terhadap ilmu dan meningkatkan kreativiti di kalangan kanak-kanak menyediakan pelbagai kemudahan berasaskan ICT dan sumber elektronik seperti Sudut Komputer, Sudut Muzik dan Sudut Cerita.

PNM telah menyediakan kemudahan kepada golongan remaja dan penuntut institusi pengajian tinggi untuk mencapai sumber maklumat elektronik daripada pangkalan data jurnal dan maklumat dalam talian melalui Perkhidmatan Zon Siber sejak tahun 2008. Perkhidmatan ini yang dilengkapi dengan perkhidmatan wifi membolehkan pengguna mencapai perkhidmatan internet secara percuma di samping capaian kepada kandungan tempatan dan luar negara. Selain dari itu, perkhidmatan kesetiausahaan (menaip, mengimbas dan mencetak) juga disediakan untuk kemudahan para pelajar membuat tugas sekolah di perpustakaan.

Seramai 69,691 orang pengguna daripada 132,135 orang pengguna Perkhidmatan Digital telah menggunakan perkhidmatan ini pada tahun 2010.

Program Literasi Maklumat dan Literasi Komputer

Selain daripada menyediakan perkhidmatan berteraskan ICT, PNM juga mengadakan pelbagai program untuk menggalakkan literasi komputer dan literasi maklumat di kalangan pengguna. Sepanjang tahun 2010, seramai 1,168 orang pengguna telah mendapat pengetahuan dan bimbingan melalui 45 aktiviti yang telah dijalankan meliputi 25 program literasi maklumat dan komputer dan 20 sesi pendidikan pengguna.

Seminar Library 3.0

PNM telah bekerjasama dengan Persatuan Pustakawan Malaysia mengadakan Seminar Library 3.0 pada 29 Jun 2010 di Auditorium PNM. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pustakawan, pengurus maklumat, profesional IT dan lain-lain mengenai web 2.0 dan web 3.0 serta konsep untuk memberi perkhidmatan alternatif kepada pengguna perpustakaan atau pusat maklumat melalui penggunaan aplikasi web terkini. Seramai 91 orang Pustakawan dan profesional IT telah menghadiri dan mengikuti pembentangan kertas kerja mengenai 'Web 2.0 dan Web 3.0' yang disampaikan oleh Prof. Dr. Shalini R. Urs., Pengarah Eksekutif dan Profesor di International School of Information Management, University of Mysore, India.



Pemuliharaan dan Reprografi

Dalam menjaga keaslian bentuk fizikal bahan perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan reprografi khusus kepada bahan Manuskrip Melayu, bahan-bahan Nadir Malaysiana dan terbitan bersiri. Satu langkah tambahan telah diambil dengan membuat kerja-kerja memikrofilem beberapa suratkhabar tempatan, Manuskrip Melayu dan bahan nadir yang ada dalam simpanan perpustakaan.

Tujuan memikrofilem bahan-bahan tersebut adalah bagi menjamin keaslian bahan-bahan yang sedia ada daripada mengalami kerosakan akibat penggunaan yang kerap oleh para pengguna perpustakaan. Semua bahan yang telah dimikrofilem boleh dirujuk oleh para pengguna.

Aktiviti pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyenggaraan terhadap koleksi perpustakaan, kerja-kerja menjilid buku, kertas seminar, bahan terbitan bersiri dan pemuliharaan koleksi manuskrip Melayu koleksi peribadi dan bahan nadir.

Aktiviti Pemuliharaan

* Pembaikan Manuskrip Melayu

Kebanyakan bahan manuskrip Melayu yang diterima adalah dalam keadaan yang amat buruk keadaan fizikalnya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh tiada satu cara penyimpanan yang rapi oleh pemilik bahan-bahan tersebut. Bagi menjaga dan menyelamatkan bahan ini dari terus musnah, kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat. Pada tahun 2010 sebanyak 167 naskhah manuskrip Melayu telah dibuat pewasapan. Tujuan kerja-kerja ini di buat adalah untuk melindungi bahan-bahan ini dari makhluk perosak dan ditumbuhinya kulat. Daripada jumlah ini sebanyak 926 helai telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik pembaikan tisu dan sebanyak 1,994 helai telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik Leafcasting.

* Pemuliharaan Bahan Nadir

Pada tahun 2010, sebanyak 11197 helai bahan ini telah dibuat pemuliharaan dan pembaikan. Bahan yang telah dibaik pulih ini dijilid dalam 72 jilidan.

Aktiviti Reprografi

Walaupun dunia sekarang ini melangkaui era teknologi digital dan terus berkembang pesat, namun aktiviti reprografi turut berkembang seiring dengan teknologi terkini. Teknologi mikrografi merupakan satu teknik mengubah format bahan bercetak ke format mikrofilem. Teknik ini relevan digunakan pada masa ini kerana iaanya dapat memanjangkan hayat sesuatu bahan itu sehingga 100 tahun lamanya.

- Pada tahun 2010 sebanyak 187 torak mikrofilem telah dihasilkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 30 torak mikrofilem terdiri daripada manuskrip Melayu, 34 torak mikrofilem bagi bahan nadir dan sebanyak 16 torak mikrofilem dibuat terhadap 42 judul suratkhabar.
- Pada tahun 2010 sebanyak 179 keping gambar berkaitan aktiviti-aktiviti PNM telah dicetak.

Sistem Pengurusan Kualiti

* MS ISO 9001:2008

Di atas kecemerlangan yang ditunjukkan PNM dalam melaksanakan SPK, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menganugerahkan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa 9 April 2010 hingga 8 April 2013. Pensijilan ini juga mendapat pengiktirafan Badan Pensijilan Antarabangsa iaitu *International Certification Network* (IQNet). Sepanjang tahun 2010, PNM telah berjaya mengadakan beberapa program/aktiviti kualiti serta inovasi dalam usaha untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan SPK PNM dan budaya inovasi dapat diterapkan sepenuhnya kepada semua warga PNM.

Program/Aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti

* Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)

Mesyuarat MKSP telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 26 April 2010 dan 20 Oktober 2010.

* Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008 (JKP)

Mesyuarat JKP telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 6 Januari 2010, 24 Jun 2010, 6 September 2010 dan 9 Disember 2010.

* Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008

Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 (Recertification Audit) oleh SIRIM QAS International telah diadakan pada 9 - 11 Februari 2010.

* Audit Dalaman

Audit Dalaman telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 13 – 15 Januari 2010 dan 25 – 27 Ogos 2010.

* Taklimat Kesedaran Pelaksanaan MS ISO 9001:2008

Satu taklimat kesedaran pelaksanaan MS ISO 9001:2008 kepada warga PNM telah disampaikan oleh Puan Hajah Siti Rodziah Othman selaku Wakil Pengurusan pada 11 Januari 2010 di Auditorium PNM.

* Kursus Pengenalan MS ISO 9001:2008

PNM telah menghantar 2 orang wakil daripada pihak Urus Setia ISO untuk menghadiri Kursus Pengenalan MS ISO 9001:2008 anjuran KPKK yang telah diadakan pada 30-31 Mac 2010 bertempat di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPKK.

* Kursus Corrective Action and Preventive Action

PNM juga telah menghantar seorang wakil dari pihak Urus Setia ISO dan seorang wakil Juru Audit Dalaman untuk menghadiri Kursus CAPA yang telah dikendalikan oleh TOMC (M) Sdn. Bhd pada 1-2 April 2010 bertempat di Residence Hotel, UNITEN.

* Taklimat Tindakan Pembetulan dan Pangkalan Data Maklum Balas Pelanggan

Satu taklimat Tindakan Pembetulan dan Pangkalan Data Maklum Balas Pelanggan telah diadakan pada 18 Ogos 2010 bertempat di Bilik Syarahan, Aras 5, PNM. Taklimat ini telah disampaikan oleh Cik Hajah Nafisah Ahmad selaku Ketua Sistem Audit dan Puan Harleeza Abu Husin, Timbalan Pengarah BKP. Taklimat ini bertujuan memberi penerangan berkaitan:

- Tindakan Pencegahan/Pembetulan/Penambahbaikan
- Prosedur Tindakan Pembetulan dan penggunaan Borang Tindakan Pembetulan
- Tanggungjawab dan Peranan Pegawai ISO Bahagian
- Pangkalan Data Maklum Balas

* Lawatan Sambil Belajar/Penandaarasan

Lawatan ke Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 15 Jun 2010

Lawatan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam pada 21 Jun 2010

Lawatan ke Perpustakaan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) pada 24 Jun 2010

Program/Aktiviti Pembudayaan Inovasi

* Taklimat Pengenalan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Satu taklimat Pengenalan KIK kepada warga PNM telah disampaikan oleh Pn. Saliza Saari selaku Konsultan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 5 Februari 2010 di Auditorium PNM

* Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Satu Bengkel KIK anjuran PNM dengan kerjasama MPC telah diadakan pada 12 – 14 April di Bilik Syarahan, PNM. Bengkel ini dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada Fasilitator/Ketua Kumpulan KIK Jabatan serta Urus Setia.

* Persembahan Pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PNM

Persembahan Pengurusan KIK PNM telah diadakan pada 2 September 2010 dan 15 Kumpulan KIK Bahagian telah mengambil bahagian dalam sesi persembahan tersebut. Persembahan ini telah diadili oleh empat (4) orang juri dalaman yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah PPK, Pengarah PIM dan Pengarah PERDANA serta seorang Juri Jemputan iaitu Tuan Haji Murshid Abu, Pengurus Inovasi Organisasi, Perbadanan Produktiviti Malaysia.

* Ceramah Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi

Satu ceramah bertajuk "Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi" telah diadakan pada 11 Oktober 2010, bertempat di Auditorium PNM, Aras 2. Ceramah ini telah

disampaikan oleh Ustaz Mohd Ajib Ismail, Penolong Setiausaha, Cawangan Pengurusan Prestasi dan Tatatertib, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPKK.



Audit Pensijilan MS ISO 9001:2008.



Konvensyen KIK Peringkat KPKK.



Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PNM.



Sijil Penghargaan Khas Kumpulan Nadi Naib Johan Konvensyen KIK
Sempena Sambutan Hari Inovasi 2010 & Pelancaran Logo KPKK.



Program Utama Perpustakaan Negara Malaysia

Program Galakan Membaca

Seiring dengan misi PNM iaitu menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia, Jabatan telah merekodkan sebanyak 8,648 program / aktiviti Galakan Membaca pada tahun 2010. Jalinan kerjasama terus diadakan dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Khusus/Gunasama, Perpustakaan Desa, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Berkunun dan Badan-badan Bukan Kerajaan. PNM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

Bil	Tarikh Penganjuran	Nama Program	Tempat
1.	11.01.2010	GB Explorer Sdn Bhd dan Syarikat Gemilang Publishing Tampil Menyumbang Bahan Bacaan Kepada Perpustakaan Negara Malaysia	Perpustakaan Negara Malaysia
2.	23.01.2010	1Malaysia Membaca Bersama Angkasawan Negara	Auditorium Perpustakaan Negeri Sabah Wilayah Tawau
3.	22-24.02.2010	Karnival IRC 1Malaysia 2010 Universiti Teknologi Petronas	Universiti Teknologi PETRONAS, Tronoh, Perak
4.	02.03.2010	Majlis Pelancaran Mari Membaca 1Malaysia	Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia
5.	25.03.2010	Bacaan Kegemaraan Saya Bersama YBhg Dato` Zawiyah Baba	Pusat Dagangan Dunia Putra
6.	27.03.2010	Bacalah Manjaku 1Malaysia	Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak
7.	21.04.2010	Majlis Pelancaran Ikon Membaca YBhg Datuk Michell Yeoh	Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia
8.	23.04.2010	Majlis Sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia	Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia
9.	25.05.2010	Majlis Sambutan Hari Ibu	Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia
10.	29.05.2010	Mari Membaca 1Malaysia : Yi Ge Malaixiya Du Ji Hua	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) Yuk Choy, Ipoh, Perak
11.	31.05.2010	Bacalah... Kamu Masih Di Hati	Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka
12.	24.07.2010	Aktiviti Galakan Membaca Sempena Pelancaran Kampung Wifi	Kampung Triang, Jelebu, Negeri Sembilan
13.	29.07.2010	Program Galakan Membaca Dan Sambutan Bulan Kemerdekaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Atrium, Suruhanjaya Sekuriti, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.
14.	23.10.2010	Program Iqra`@Masjid Putra	Masjid Putra, Putrajaya
15.	25.10.2010	Majlis Pelancaran Travelog Kembara Buku	Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia
16.	08.11.2010	Aktiviti Galakan Membaca Sempena Kem Membaca 1Malaysia	SJK(C) Tsun Jin, Kg. Pandan, WP Kuala Lumpur SJK(C) Tsun Jin, Kg. Pandan, WP Kuala Lumpur

17.	13.11.2010	Pesta Buku Puncak Niaga 2010	Perkarangan Wisma Rozali, Shah Alam, Selangor
18.	21.11.2010	Mari Membaca 1Malaysia : 1Malaysia Vasikka Varunggal	Padang Raja Musa, Kuala Selangor, Selangor
19.	26.11.2010	Forum Liga Ilmu "Laman Sosial : Membawa Kita Ke Mana"	Padang Raja Musa, Kuala Selangor, Selangor
20.	18-19.12.2010	Aktiviti Galakan Membaca Sempena Majlis Pelancaran Komuniti 1Malaysia	Dataran Jubli Emas, Limbang Sarawak
21.	30.03.2010	Program Galakan Membaca YKP-PNM • Siri 1/2010	Perpustakaan Negara Malaysia
22.	02.10.2010	• Siri 2/2010	Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya
23.	21.02.2010	Karnival Membaca 1Malaysia Sempena Perasmian Perpustakaan Desa	PD Tanjung Belanja, Perak
24.	14.03.2010	• Perasmian Perpustakaan Desa Tanjung Belanja, Perak	PD Jelapang Baru, Perak
25.	26.06.2010	• Perasmian Serentak Perpustakaan Desa Titi Mukim, Pajak Song dan Lubok Meriam, Pulau Pinang	PD Titi Mukim, Pulau Pinang
26.	18.07.2010	• Perasmian Serentak Perpustakaan Desa Kampung Selamat, Haji Abdullah Fahim, Bakar Batu dan Bakau Tua, Pulau Pinang	PD Kampung Selamat, Pulau Pinang
27.	18,20-24.04.2010	Aktiviti Galakan Membaca Sempena Program Merakyatkan Seni Dan Budaya • Siri 1 : Aktiviti Galakan Membaca Sempena PMS Hulu Selangor	SMK Sg. Choh, Rawang (18 April 2010) SRJKC Serendah, Kg. Baru Cina (20 April 2010) Padang SK Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu (21 April 2010) Padang SMK Gedangsa, Hulu Bernam (22 April 2010) Ladang Nigel Gardner, Kuala Kubu Bharu (23 April 2010) Akademik Bomba, Kuala Kubu Bharu (24 April 2010)
28.	17.07.2010	• Siri 2 : Aktiviti Galakan Membaca Sempena PMS Nibong Tebal	Tapak Pasar Malam Nibong Tebal, Pulau Pinang
29.	07-08.08.2010	• Siri 3 : Aktiviti Galakan Membaca Sempena PMS Kg. Lenggeng	Padang Sekolah Kebangsaan Dato` Klan Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan
30.	31.10.2010 - 01.11.2010	• Siri 4 : Aktiviti Galakan Membaca Sempena PMS Karamunting	Perkarangan Flat MPS, Karamunting, Sandakan, Sabah
31.	06-07.11.2010	Siri 5 : Aktiviti Galakan Membaca Sempena PMS Rembau	Dataran Rembau, Rembau, Negeri Sembilan Dataran Rembau, Rembau, Negeri Sembilan



YABhg Tun Siti Hasmah Haji Mohd Ali telah menyampaikan hadiah dan sijil penyertaan kepada semua peserta pada 30 Mac 2010 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

>>>



PNM menyumbangkan 700 naskhah buku bacaan kepada Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia dan telah disampaikan kepada YB Datuk Ir Dr Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Pelajaran sempena Majlis Pelancaran Kem Membaca 1Malaysia di SJK(C) Tsun Jin, Kg Pandan pada 8 November 2010.

>>>



<<< YB Senator Heng Sea Kie, Timbalan Menteri KPKK (Ketiga dari kiri) sedang membaca majalah yang disumbangkan oleh GB Explorer Sdn.Bhd pada 11 Januari 2010.



<<< YB Dato` Seri Utama Dr. Rais Yatim turut mengunjungi Perpustakaan Desa Kampung Triang, Jelebu, Negeri Sembilan sempena Majlis Pelancaran Kampung Wifi pada 24 Julai 2010.



<<< Ahli panel, dari kiri : Encik Azli Paat, Ustaz Termizi Abdul Razak (moderator), Encik Mohd Din dan Encik Sufian Amrin sempena Forum Liga Ilmu "Laman Sosial : Membawa Kita Ke Mana" pada 26 November 2010 di PNM.

PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

Program Pembudayaan Tulisan Jawi bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menjalankan semua program dan aktiviti berdasarkan tulisan jawi bagi memartabatkan dan menyemarakkan semula tulisan jawi di kalangan masyarakat Malaysia. Program dan aktiviti Pembudayaan Tulisan Jawi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:

* Majlis Pelancaran Wajah Baru Akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan

Majlis pelancaran ini telah dianjurkan oleh Utusan Melayu (M) Berhad dengan kerjasama PNM pada 24 Mac 2010 di Auditorium PNM. Majlis ini diadakan untuk memperkenalkan penggunaan kepala akhbar (master head) baru Utusan Melayu Mingguan kepada orang ramai yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

* Silang Kata Jawi

Aktiviti ini di adakan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 27 Mac 2010. Seramai 300 pengunjung telah memeriahkan aktiviti selama 1 jam ini. Acara selingan membaca puisi turut diadakan untuk memeriahkan aktiviti tersebut.

* Bengkel Klinik Dr. Jawi

Bengkel Klinik Dr. Jawi dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diadakan pada 24 – 25 April 2010 di Bilik Sebaguna, Aras 1 PNM. Seramai 38 orang awam telah menyertai bengkel yang telah dikendalikan oleh Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad, Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah, DBP.

Bengkel Klinik Dr. Jawi dengan kerjasama Akademi Al-Merbawi telah diadakan pada 10 Julai 2010 di Auditorium, Aras 2, PNM. Seramai 200 orang peserta terdiri daripada pelajar, guru dan orang awam telah menyertai bengkel yang telah dikendalikan oleh Ustaz Abdul Manan bin Ali, Pengasas Kaedah Mananiyah daripada Akademi Al-Merbawi.

* Aktiviti Semarak Jawi

Aktiviti permainan pembelajaran jawi seperti Bina Kata, Gali Kata, Pantas Jawi, Pintar Jawi, Minda Jawi turut diadakan untuk menyemarakkan budaya tulisan jawi di kalangan masyarakat. Ianya diadakan bersama Program Galakan Membaca, program di bawah anjuran Kementerian Kebudayaan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), program bersama agensi kerajaan yang lain, badan swasta dan NGO. Sebanyak 12 aktiviti Semarak Jawi telah diadakan sepanjang tahun 2010 iaitu pada 21 Februari, 22 Februari, 14 Mac, 8 April, 31 Mei, 26 Jun, 23 Oktober, 13 November, 4 – 5 Disember, 10 – 31 Disember dan 10 – 12 Disember 2010.

* Demonstrasi Seni Khat

Demosntrasi Seni Khat telah diadakan sempena Program Karnival Cuti Sekolah pada 12 – 13 Jun 2010 di Pasar Seni Kuala Lumpur. Demonstrasi ini telah dikendalikan oleh Encik Zainurrahman Afendi dan Encik Nur Hamka Mohammad Zainal dari Persatuan Seni Khat Kebangsaan (PSKK).



Program Silangkata Jawi pada 25 Mac 2010. >>>

<<< Program Silangkata Jawi pada 25 Mac 2010.



Bengkel Klinik Dr Jawi pada 10 Julai 2010. >>>

<<< Program Kuiz Celik Jawi pada 15 Jun 2010.



PERPUS
NEGARA MALAYSIA

PROGRAM 1MALAYSIA

PNM sentiasa menyokong dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan terutamanya Gagasan 1Malaysia. Sepanjang tahun 2010, PNM telah menjalankan pelbagai program / aktiviti 1Malaysia antaranya Karnival IRC 1Malaysia (22 Februari 2010), A.B.C. : Mari Membaca 1Malaysia (13 Mac 2010), Kuiz 1Malaysia (17 dan 24 April 2010), Pertandingan Pidato 1Malaysia 2010 (27 – 29 Julai 2010) dan Program 1Malaysia Sejuta Puisi (22 – 24 Oktober 2010).



Program Slot Cerita Rakyat 1Malaysia di Teateret Kanak-Kanak pada 16 Mac 2010.

>>>

<<< Sebahagian daripada peserta yang menyertai aktiviti ABC Mari Membaca 1 Malaysia pada 13 Mac 2010.



Program Puisi 1Malaysia Sejuta Puisi pada 22 – 24 Oktober 2010.

>>>

<<< Pertandingan Pidato 1Malaysia pada 28 – 29 Julai 2010.



Statistik Perpustakaan Negara Malaysia 2010

RINGKASAN STATISTIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2008 - 2010


PARAMETER	TAHUN			KUMULATIF
	2008	2009	2010	
KEAHLIAN BERDAFTAR	41,052	55,933	56,676	922,006
• Kanak-kanak	14,531	15,243	9,068	143,585
• Dewasa	26,521	40,690	47,608	778,421
PENGUNJUNG	379,831	413,735	464,317	n.a
• Kanak-kanak	101,249	104,173	121,899	n.a
• Dewasa	278,582	309,562	42,418	n.a
PINJAMAN BAHAN	511,637	370,550	776,347	n.a
• Kanak-kanak	175,583	174,630	375,866	n.a
• Dewasa	336,054	195,920	400,481	n.a
PENGGUNA PERKHIDMATAN	258,332	312,244	303,355	n.a
• Perkhidmatan Maklumat Malaysiana	139,180	142,283	99,124	n.a
• Perkhidmatan Maklumat Umum	42,777	32,307	47,235	n.a
• Perkhidmatan Digital	68,257	57,844	62,141	n.a
• Perkhidmatan Manuskrip Melayu	498	465	205	n.a
• Perkhidmatan Pakar Maklumat	5,268	22,649	*24,656	n.a
• Perkhidmatan Zon Siber	*2,352	56,696	69,994	n.a
PEROLEHAN KOLEKSI	285,595	299,147	272,857	3,364,874
• Akta Penyerahan Bahan 1986 (Akta 331)	182,730	183,575	179,864	n.a
• Pembelian	99,584	111,503	89,617	n.a
• Hadiah dan Pertukaran	3,281	4,069	3,376	n.a

Nota :-


- * Data statistik pengguna Perkhidmatan Pakar Maklumat hanya sehingga November 2010, mulai Disember 2010 Kumpulan Perunding Maklumat, Bahagian Pakar Maklumat telah bertugas secara on-call mengikut jadual. Manakala kaunter perkhidmatan telah diasingkan dengan kaunter Perkhidmatan Malaysiana monograf.
- * Perkhidmatan Zon Siber mula beroperasi pada Oktober 2008, data statistik direkodkan bermula pada tahun Januari 2009.
- n.a – Tiada data kumulatif

KEAHLIAN BERDAFTAR PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2010

Bulan	Kategori	Kanak-kanak (orang)	Dewasa (orang)	Jumlah (orang)	Kumulatif (orang)
Januari		287	3,714	4,001	869,331
Februari		352	4,348	4,700	874,031
Mac		900	5,699	6,599	880,630
April		1,599	3,401	5,000	885,630
Mei		725	4,376	5,101	890,731
Jun		618	4,579	5,197	895,928
Julai		1,709	3,491	5,200	901,128
Ogos		654	4,548	5,202	906,330
September		156	4,492	4,648	910,978
Okttober		988	3,012	4,000	914,978
November		606	4,103	4,709	919,687
Disember		474	1,845	2,319	922,006
Jumlah		9,068	47,608	56,676	-




PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2010



PINJAMAN BAHAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2010

Pinjaman Bulan	Berpusat (naskhah)	Berkelompok (naskhah)	SPP (naskhah)	Kategori Naskhah Pinjaman		Jumlah (naskhah)
	Dewasa	Kanak-kanak				
Januari	40,093	4,911	54	20,971	24,087	45,058
Februari	44,354	4,221	31	24,029	24,577	48,606
Mac	49,454	5,622	28	27,940	27,164	55,104
April	54,792	6,329	25	31,984	29,162	61,146
Mei	58,232	3,438	50	32,414	29,306	61,720
Jun	63,142	3,600	39	35,056	31,725	66,781
Julai	64,192	7,205	28	38,457	32,968	71,425
Ogos	66,542	4,237	61	37,712	33,128	70,840
September	67,683	3,182	61	37,319	33,607	70,926
Oktober	68,383	4,519	11	38,772	34,141	72,913
November	71,298	3,309	45	37,369	37,283	74,652
Disember	73,076	4,068	32	38,458	38,718	77,176
Jumlah	721,241	54,641	465	400,481	375,866	776,347




PENGGUNA PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2010

Bulan	PERKHIDMATAN						Jumlah
	Maklumat Malaysiana	Maklumat Umum	Digital	Manuskrip Melayu	Pakar Maklumat	Zon Siber	
Januari	9,843	2,576	3,857	26	1,580	4,988	22,870
Februari	8,960	2,738	4,120	20	2,150	5,577	23,565
Mac	11,153	3,740	6,415	34	4,057	6,639	32,038
April	15,926	3,711	5,475	54	2,700	5,763	33,629
Mei	12,362	3,443	5,666	18	1,647	5,848	28,984
Jun	10,989	4,595	7,399	24	2,512	7,222	32,741
Julai	8,246	3,911	5,746	6	1,666	6,659	26,234
Ogos	5,247	3,397	3,286	4	1,876	4,737	18,547
September	2,324	2,446	2,575	3	1,830	4,517	13,695
Okttober	5,483	5,261	5,058	6	1,672	6,631	24,111
November	4,359	6,511	5,253	2	2,966	6,303	25,394
Disember	4,232	4,906	7,291	8	*n.a	5,110	21,547
Jumlah	99,124	47,235	62,141	205	24,656	69,994	303,355


Nota:

- * n.a - Data statistik pengguna Perkhidmatan Pakar Maklumat hanya sehingga November 2010, mulai Disember 2010 Kumpulan Perunding Maklumat, Bahagian Pakar Maklumat telah bertugas secara on-call mengikut jadual. Manakala kaunter perkhidmatan telah diasingkan dengan kaunter Perkhidmatan Malaysiana monograf.




PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2010

Bulan	PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (hits)						Jumlah
	Mylib	Laman Web	Katalog Induk Kebangsaan	OPAC	Portal Inisiatif Digital	Wi-Fi	
Januari	2,336	77,224	397,751	98,159	14,319	1,792	591,581
Februari	2,285	71,246	290,572	89,156	16,964	1,634	471,857
Mac	3,129	103,955	291,219	123,080	27,782	2,161	551,326
April	3,334	86,922	511,354	116,691	26,111	2,463	746,875
Mei	2,823	83,587	267,586	110,781	59,932	1,778	526,487
Jun	2,112	86,427	296,557	123,564	23,953	2,251	534,864
Julai	2,625	69,106	329,764	125,888	54,972	1,608	583,963
Ogos	2,360	100,961	290,193	92,346	24,633	1,775	512,268
September	1,277	54,443	232,608	72,247	29,090	1,545	391,210
Oktober	1,879	72,627	340,324	44,978	16,839	2,315	478,962
November	1,405	55,451	485,354	39,614	9,261	2,310	593,395
Disember	1,414	52,850	356,613	57,283	11,630	1,845	481,635
Jumlah	26,979	914,799	4,089,895	1,093,787	315,486	23,477	6,464,423



KOLEKSI BAHAN MENGIKUT Kaedah Perolehan Perpustakaan Negara Malaysia 2010

Bulan	Kaedah Perolehan	Beli (unit)	Hadiah dan Pertukaran (unit)	Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) (unit)	Jumlah Tahun 2010 (unit)	Kumulatif (unit)
Januari		361	176	14,471	15,008	3,107,025
Februari		87	262	16,208	16,557	3,123,582
Mac		258	276	16,210	16,744	3,140,326
April		5,670	527	16,663	22,860	3,163,186
Mei		5,314	413	15,464	21,191	3,184,377
Jun		1,035	233	15,257	16,525	3,200,902
Julai		137	*0	3,230	3,367	3,204,269
Ogos		7,942	356	12,217	20,515	3,224,784
September		6,989	450	14,202	21,641	3,246,425
Okttober		913	216	16,000	17,129	3,263,554
November		2,603	254	16,014	18,871	3,282,425
Disember		58,308	213	23,928	82,449	3,364,874
Jumlah		89,617	3,376	179,864	272,857	---



PAMERAN

Selain pameran anjuran PNM sendiri, Jabatan turut mengadakan pameran dengan kerjasama organisasi luar atau badan bukan kerajaan seperti Persatuan Animasi Malaysia. Pada tahun 2010, PNM telah berjaya melaksanakan sebanyak 5 pameran seperti di bawah:

TARIKH	NAMA PAMERAN	TEMPAT	ANJURAN
15 Januari - 16 April 2010	Pameran Bertatah Wawasan Melapah Zaman... Tunjang Negara Sepanjang Masa: Tun Dr Mahathir Mohamad	Dewan Pameran PNM	PNM
20 April -31 Mei 2010	Pameran Animasi 1Malaysia	Dewan Pameran PNM	PNM/ Filem Negara Malaysia/ Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS)
1 Julai - 30 September 2010	Pameran Hikayat Hang Tuah: Lagenda Pahlawan Melayu	Dewan Pameran PNM	PNM
16 Okt. - 30 Nov. 2010	Pameran PNM Di Sebalik Tradisi	Dewan Pameran PNM	PNM
25 Okt. - 30 Nov. 2010	Pameran Travelog Kembara Buku	Dewan Pameran PNM	PNM



Pameran Bertatah Wawasan Melapah Zaman... Tunjang Negara Sepanjang Masa mulai pada 15 Januari – 16 April 2010 di PNM.



Para pengunjung melihat Pameran Animasi 1Malaysia yang berlangsung di Dewan Pameran PNM pada 20 April – 31 Mei 2010.

LAWATAN NEGARA MALAYSIA

PNM mengendalikan lawatan berpandu atas permintaan yang diterima dari dalam dan luar negara.

* Lawatan Dalam Negara

Sepanjang tahun 2010, Perpustakaan Negara Malaysia telah menguruskan 120 lawatan rasmi dan berpandu dalam negeri. Sebanyak 5199 orang pelawat dari dalam negeri telah diterima dari pelbagai agensi Jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

* Lawatan Luar Negara

Sebanyak 128 orang pelawat dalam 10 rombongan lawatan khas dari luar negara telah dijalankan sepanjang tahun 2010. Perpustakaan Negara Malaysia menerima lawatan dari pelbagai institusi seperti Sukhothammathirat Open University Thailand, Peserta Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair Bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam, Korea

Publications Ethics Commission, Ministry Of Culture, Sports And Tourism Republic Of Korea.

Pendedahan awal yang diberikan kepada delegasi dan rombongan lawatan khas ini adalah berkaitan dengan latar belakang PNM, pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan yang disediakan.

TARIKH	LAWATAN LUAR NEGARA
22 April 2010	Lawatan dari University of Colombo, Sri Lanka
27 Mei 2010	Lawatan Delegasi Sukhothai Thammathirat Open University (STOU)
6 Oktober 2010	Lawatan Mr. Frederick Zarndt, Pengurus IFLA International Newspaper Section
16 Oktober 2010	Lawatan YB Pehin Orang Kaya Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair Haji Abdullah, Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan Brunei Darussalam serta delegasi
8 November 2010	Lawatan Kerja Encik John Hickok, Pustakawan dari California State University dan Encik Gerald George, Pengarah Lincoln Resource Centre US Embassy
8 November 2010	Lawatan Kerja dari Library Association of Singapore
9 November 2010	Lawatan Kerja dari Korea Publication Ethics Commission. Ministry of Culture, Sports and Tourism Republic of Singapore



Lawatan YB Pehin Orang Kaya Laila Diraja Dato Paduka Awang Hj Hazair Hj Abdullah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Brunei ke PNM pada 16 Oktober 2010.



<<< Lawatan dari University of Columbo, Sri Lanka pada 22 April 2010.



<<< Lawatan dari Librarians Association of Singapore pada 8 November 2010.

Kerjasama Perpustakaan

PERINGKAT KEBANGSAAN

Persatuan Pustakawan Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) adalah persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh pegawai ikhtisas dan institusi yang terlibat dengan profesyen kepustakawanan. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia yang juga merupakan mantan Yang DiPertua menganggotai Majlis PPM bagi penggal 2010 - 2012 di samping beberapa pegawai yang turut dilantik iaitu Cik Hajah Nafisah Ahmad sebagai Naib Yang DiPertua I, Puan Hashimah Mohd. Yusof sebagai Setiausaha Kehormat dan Puan Chin Loy Jyoong sebagai Bendahari Kehormat.

Yayasan Kepimpinan Perdana

PNM dengan kerjasama Yayasan Kepimpinan Perdana dan Universiti Teknologi MARA telah berjaya menganjurkan Bengkel Mencegah Kehilangan Memori Organisasi dan Program Bicara Perdana bersama YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 26 – 28 Januari 2010 di PNM. Seramai 61 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai jabatan / institusi serta profesyen telah menghadiri bengkel ini. Manakala seramai lebih kurang 450 orang peserta telah hadiri Program Bicara Perdana pada 28 Januari 2010 dengan sebanyak 7 soalan telah dikemukakan kepada YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam sesi dialog. Selain daripada itu, turut mengadakan Program Galakan Membaca bertema Bangsa Berilmu Teras 1Malaysia di Yayasan Kepimpinan Perdana pada 30 Mac 2010 (Siri III) dan 2 Oktober 2010 (Siri IV).

Keretapi Tanah Melayu Berhad

PNM dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah mengadakan Program Membaca 1Malaysia : Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan Siri II pada 29 Januari 2010 di Stesen Sentral Kuala Lumpur yang telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Maglin

Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di sepanjang perjalanan dari Kuala Lumpur ke Stesen Ipoh, Perak.

Persatuan Animasi Malaysia

PNM, Filem Negara Malaysia dan Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) telah melaksanakan Pameran Animasi 1Malaysia yang julung kali diadakan pada 20 April – 31 Mei 2010 di PNM. Pelbagai program / aktiviti telah dilaksanakan seperti ceramah, bengkel, sesi dialog dan forum khas, pertandingan melukis watak animasi dan sesi tayangan cereka animasi.

Universiti Malaya

PNM dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Jabatan Muzium Malaysia, Perbadanan Muzium Melaka, Muzium Etnografi, Universiti Malaya (UM), Akademi Pengajian Melayu UM, Arkib Negara Malaysia dan orang perseorangan iaitu Tuan Haji Abdullah@Yahya bin Abdul Rahman dari Silam Bara Antik Terengganu telah menganjurkan Pameran Hikayat Hang Tuah: Lagenda Pahlawan Melayu pada 26 Julai 2010. Pameran yang berlangsung pada 1 Julai – 31 Ogos 2010 di PNM merupakan salah satu usaha PNM mempromosikan manuskrip Melayu amnya dan memasyarakatkan Hikayat Hang Tuah di kalangan rakyat Malaysia sebagai karya agung agar ianya tetap segar sepanjang masa.

Yayasan Pembangunan Buku Negara

PNM dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Buku Negara telah melaksanakan Program Jualan Buku@PNM pada 26 Jun – 4 Julai 2011 di PNM. Seramai 1,605 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur telah mengunjungi jualan buku dan berjaya menjual sebanyak 920 naskhah bahan bacaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka

PNM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah berjaya menganjurkan Pertandingan Pidato bertemakan 1Malaysia: Menjana Transformasi pada 1 Ogos – 16 September 2010 sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Negara yang ke-53. Pertandingan ini disertai oleh 30 orang pemidato sekolah menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) yang mewakili 15 buah negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PNM dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan selaras dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang disambut sepanjang bulan Oktober telah bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Malaysia Book of Records bagi menganjurkan Program 1Malaysia Sejuta Puisi pada 22 – 24 Oktober 2010 di PNM. Sebanyak 10,118 rangkap puisi moden dan tradisional bertemakan 1Malaysia telah disampaikan oleh 360 orang pembaca puisi daripada pelbagai lapisan masyarakat. Kumpulan puisi tersebut disampaikan secara bergilir-gilir tanpa henti selama 34 jam 36 saat dan mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBR).

Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA)

PNM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan GAPENA telah berjaya menganjurkan Pertandingan Pidato bertemakan 1Malaysia: Menjana Transformasi pada 1 Ogos – 16 September 2010 sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Negara yang ke-53.

PERINGKAT ANTARABANGSA

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan antara agensi kerajaan yang terlibat secara aktif dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia yang dibiayai

sepenuhnya oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2010, PNM telah mengadakan satu kursus baru iaitu MTCP 2010 : *Library Management for Librarians* pada 4 – 17 Julai 2010 kepada peserta di peringkat pengurusan pertengahan. Kursus ini telah dihadiri oleh 20 orang peserta daripada 17 buah negara iaitu Bhutan, Filipina, Indonesia (2 peserta), Laos (2 peserta), Malawi, Morocco, Myanmar, Nepal, Nigeria, Oman, Seychelles, Sri Lanka, Sudan, Thailand (2 peserta), Uzbekistan dan Vietnam (2 peserta).

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) adalah sebuah organisasi antarabangsa yang memimpin dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan kepustakawan di seluruh dunia. IFLA juga merupakan platform bagi menyuarakan idea dan pandangan ahli dalam bidang kepustakawan dan profesional maklumat di peringkat antarabangsa. Sebanyak 150 buah negara dengan keahlian seramai 1,600 ahli telah menganggotai IFLA.

PNM menjadi ahli pertubuhan antarabangsa IFLA sejak tahun 1985 dan menyertai persidangan setiap tahun. Persidangan IFLA pada tahun 2010 diadakan di Gothenberg, Sweden pada 10 – 15 Ogos 2010 dengan tema "Open access to knowledge - promoting sustainable progress".

Conference of Directors of National Libraries (CDNL)

Conference of Directors of National Libraries (CDNL) diadakan setiap tahun sempena Persidangan IFLA. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBhg Dato' Raslin Abu Bakar adalah ahli *Conference of Directors of National Libraries*. PNM telah mengemukakan Laporan Negara bagi Malaysia dan telah dimuat naik dalam laman sesawang CDNL <http://www.cdnl.info/>

Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)

Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara Asia dan Oceania ke-18 (CDNL-AO) telah diadakan pada 12 – 14 April 2010 di National Library Board, Singapura. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat sebagai urus setia bagi mewakili Malaysia dalam persidangan tersebut. Laporan Negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam persidangan ini. Sempena persidangan tersebut, satu seminar bertajuk "Challenges and issues for libraries in Asia" telah diadakan di mana Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Challenges of libraries in Malaysia".

Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)

Perpustakaan Negara Malaysia telah menyertai Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) sejak mula ditubuhkan pada tahun 1970. CONSAL merupakan forum di kalangan pustakawan dan ahli profesional dalam bidang yang berkaitan dari negara Asia tenggara untuk menjalin hubungan kerjasama dengan menjalankan pelbagai projek.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif CONSAL XV telah diadakan pada 29 April 2010 di Bali Indonesia. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan YBhg Prof Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad, Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia telah mewakili Malaysia dalam mesyuarat tersebut. Laporan Negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam mesyuarat ini.

Networking of East Asia Cultural Heritage (NEACH)

6th Meeting of the Networking of East Asia Cultural Heritage telah diadakan pada 10 – 11 Julai 2010 di Solo City, Indonesia. Anggota NEACH terdiri dari 10 buah negara ASEAN, China, Jepun dan Korea, yang juga dikenali dengan ASEAN Plus Three. Kertas projek Perpustakaan Negara Malaysia bertajuk "Workshop on Resource Description and Access (RDA) in Documenting

Library Resource for Young Librarians" telah dipilih oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) untuk mewakili Malaysia untuk mendapatkan dana bagi menganjurkan bengkel tersebut.

Asia Pacific Information Network (APIN)

Penglibatan Perpustakaan Negara Malaysia dalam APIN bermula sejak tahun 1990. PNM telah dilantik sebagai *focal point* aktiviti / program APIN untuk Malaysia. YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat telah menyertai Workshop National Policies and Statistics di Bangkok, Thailand pada 13 – 15 September 2010. Manakala 5th Meeting of APIN telah dihadiri YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat pada 23 – 26 November 2010 di Manila, Filipina. Laporan Negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam mesyuarat ini.

International Standard Book Number (ISBN)

Malaysia telah menyertai program International Standard Book Number (ISBN) sejak tahun 1982. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Kebangsaan ISBN bagi negara ini telah mengeluarkan sebanyak 25,846 ISBN pada tahun 2010.

International Standard Serial Number (ISSN)

Penyertaan Malaysia dalam program International Standard Serial Number (ISSN) telah bermula sejak tahun 1976. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat kebangsaan ISSN bertanggungjawab untuk mengurus pemberian ISSN judul terbitan bersiri di negara ini. Pada tahun 2010, sebanyak 364 ISSN telah dikeluarkan untuk terbitan bersiri di negara ini.

Penerbitan

Penerbitan merupakan salah satu insiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebarluaskan maklumat kepada masyarakat. Sebanyak 9 penerbitan telah diterbitkan oleh PNM pada tahun 2010 iaitu seperti berikut:

- Koleksi Peribadi John Bastin : Sumber Historiografi di Alam Melayu
- Bibliografi Najib Razak : 100 Hari Menerajui Tampuk Pemerintahan
- Tokoh-tokoh Perbukan Malaysia
- Jurnal Filologi Melayu Jilid 16 / 2009
- Program Pembangunan Sumber Manusia Perpustakaan Negara Malaysia 2011
- Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2009
- Sekitar Perpustakaan Bil. 40/2010
- Pustaka Buletin Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 1/2010 dan Bil. 2/2010
- Sari Pustaka Bil. 1/2010, Bil. 2/2010, Bil.3/2010 dan Bil.4/2010
- Laporan Tahunan PNM 2009



Penulisan

KERTAS KERJA/LAPORAN NEGARA

Chin Loy Jyoon

Workshop on Resource Description and Access (RDA) in Documenting Library Resources for Young Librarians in ASEAN plus 3 Member States. Kertas kerja projek dibentangkan dalam 6th Meeting of Networking of East Asia of Cultural Heritage (NEACH) di Solo, Indonesia pada 9 – 12 Julai 2010.

Nafisah Ahmad

Literasi Maklumat Untuk Komuniti Melalui ICT di Seminar "Program Pembangunan ICT Komuniti: Fungsi dan Peranan Perpustakaan" di Indera Mahkota, Kuantan, Pahang pada 5 Julai 2010.

MyLib - Kolaborasi Perkongsian Sumber Elektronik : Isu dan Cabaran di Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia di Penang Bayview Beach Resort pada 20 - 21 Disember 2010.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

CDNL-AO Country Report: Malaysia. Kertas laporan Negara dibentangkan dalam 18th Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO) pada 13 – 14 April 2011 di National Library Board, Singapura.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

Challenges of Libraries in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar on Challenges of Libraries in Asia, National Library Board Singapura pada 14 April 2010.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

CONSAL Country Report: Malaysia. Kertas laporan Negara dibentangkan dalam 1st CONSAL XV Executive Board Meeting pada 29 – 30 April 2010 di Bandung, Indonesia.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

APIN Country Report on Information Accessibility and Media and Information Literacy : Malaysia. Kertas laporan dibentangkan dalam 5th Asia Pacific Information Network (APIN) meeting di Manila, Filipina pada 22 - 26 November 2010

Zahuddin Sidek @ Salleh

Penggunaan Perisian Sumber Terbuka (Open Source Software) Di Dalam Pembinaan Perpustakaan Digital dan Repositori Institusi di Malaysia. Sekitar Perpustakaan. Bil.40, 2010: p.1-11.

ULASAN BUKU

A Azli Abd Rahim

Bagaimana Saya Boleh Menjadi Jutawan.
SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Akmal Fardhiana Muhamad

Makanan penawar yang menakjubkan.
SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Alias Mahmood

Hadirnya permata hatiku : pedoman membina keluarga bahagia. SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Ezcliani Khazali

Wanita : Status Sosial & Undang-Undang Islam.
SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Faridah Zainal Abiddin

Taman orang-orang cinta & rindu : menurut al-Quran dan as-Sunnah. SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Jumadil Ali

Jejak Bisnes Rasul. SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Khairiah Alias

DATO' Najib Razak : A Sense Of Mission.
SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Mazidah Abdul Rahman

Cara Mudah Mengenal Pasti Langkah Menuju Kejayaan Dalam Hidup. SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Mohd Fadzli Zainuddin

Ensiklopedia makanan penawar untuk kesihatan tubuh Selangor. SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Mustafa Daud

Rahsia air mata khusyuk. SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Nahariah Hasan

Penyakit Jiwa Menurut Hukum Syarak : Lidah Dan Syahwat. SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Nur Azura Che Noor

Ilmu pengaruh : bukan jampi tetapi seni.
SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Rosenah Abd. Karim

Seni dan budaya Kelantan Kuala Lumpur.
SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Rosmini Ismail

Bagaimana Islam memimpin masyarakat majmuk.
SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Rosnita Ab. Ghani

Pendidikan Kerohanian Dan Moral Prasekolah.
SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Sangkar a/l Ramaian

Rahsia Kerjaya Graduan. SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Subramaniam a/l Kuppusamy

Gagasan Najib : 1Malaysia rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Suharti Yusof

Niaga Online. SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Suriyawani Sulaiman

Kata diucap perasaan dijaga : keterampilan komunikasi berkesan. SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Suriyawani Sulaiman

Panduan Sihat Wanita Dan Kanak-Kanak : Info Penjagaan Dan Rawatan. SARI PUSTAKA, (2) : 2010

Tamimi Taib

Ceritalah 3 : impian Malaysia yang tertunda.
SARI PUSTAKA, (1) : 2010

Kelab Perpustakaan Negara Malaysia

Kepimpinan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia

Kelab PNM merupakan salah satu organisasi penting yang menjadi medium untuk kakitangan mengerakkan silaturrahim dan menjalankan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti kesukanan, rekreasi, kebajikan dan wacana minda. Hal ini adalah selari dengan matlamat penubuhan Kelab PNM ini iaitu untuk membentuk dan mengamalkan suatu budaya kerjasama dan perkongsian idea di kalangan kakitangan PNM tanpa mengira batasan agama, bangsa maupun pangkat yang mencerminkan kesepadan dalam satu bumbung yang sama.

Keahlian

Kelab PNM mempunyai 3 jenis keahlian iaitu Ahli Kehormat, Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu. Kepimpinan Kelab PNM diterajui oleh pegawai-pegawai yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia ke -30 yang telah dirasmikan oleh Ybhg Dato' Raslin bin Abu Bakar pada 25 Mei 2010. Sehingga Disember 2010, ahli Kelab PNM adalah seramai 504 ahli yang merangkumi 14 Ahli Bersekutu dan 490 Ahli Biasa.

Aktiviti

Sepanjang tahun 2010 Kelab PNM telah melaksanakan pelbagai aktiviti antaranya:

* Sukan

Sebanyak 17 acara sukan telah dipertandingkan bersempena Pesta Sukan PNM 2010 yang telah berlangsung dengan meriahnya pada 9 Mei – 19 Jun 2010. Selain daripada itu, Kelab PNM turut menyertai Perlawanan Persahabatan Badminton PNM dengan Jabatan Parliment Malaysia serta Perlawanan Badminton dan Bolasepak MAKSWIP.

Matlamat utama aktiviti sukan dan riadah ini adalah untuk menjalankan ikatan persahabatan sesama ahli kelab dan juga institusi luar melalui aktiviti sukan.

* Program Agama

Sepanjang tahun 2010, pelbagai program agama telah diadakan bertujuan untuk memberi satapan rohani kepada warga PNM. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan ialah Siri Ceramah Ihya' Ramadhan, Kuliah Aqiqah, Tadarus dan Khatam Al-Quran, Siri Bacaan Yaasin dan Kaunter Kutipan Zakat Fitrah.

* Program Kempen Derma Darah 2010

Pada 22 Jun 2010, Kelab PNM sekali lagi mengambil inisiatif mengadakan Program Kempen Derma Darah 2010 dengan kerjasama Pusat Darah Negara bertempat di Bilik Serbaguna, PNM. Program yang bermula pada jam 9.00 pagi – 4.00 petang ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli kelab dan warga PNM.

* Program Kebudayaan

Bermula pada bulan Mei sehingga Disember 2010, sebanyak 34 sesi aktiviti Kebudayaan telah diadakan merangkumi tarian tradisional, tarian moden, senam seni dan senam robik. Aktiviti ini diadakan dari jam 5.30 petang hingga 6.00 petang dan diterajui oleh En.Khalid Mohamad Nor, tenaga pengajar daripada Istana Budaya.

* Seminar Perlindungan dan Produk Insurans

Pada 10 Februari 2010, satu Seminar berkaitan Perlindungan dan Produk Insurans telah dijalankan di Bilik Tayangan, PNM dengan kerjasama Prudential BSN Takaful Berhad. Seminar telah berjaya meningkatkan kefahaman peserta berkaitan pembentukan rawatan perubatan khususnya melalui kad perubatan.

* Majlis Berbuka Puasa Kelab PNM dan PUSPANITA Cawangan PNM

Majlis Berbuka Puasa PNM 2010 anjuran Kelab PNM dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan PNM telah diadakan pada 27 Ogos 2010. Selain daripada majlis berbuka puasa, solat tarawikh berjemaah dan jamuan moreh, ahli kelab serta keluarga turut mengikuti tazkirah Lailatul Qadar oleh Ustaz Nahrawi daripada KEMAS.



Mesyuarat Agung Kelab PNM pada 28 Jun 2010.

* Majlis Hari Raya Aidilfitri 2010

Majlis Hari Raya Aidilfitri PNM 2010 anjuran Kelab PNM dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan PNM telah berlangsung dengan meriahnya pada 27 September 2010 dengan beberapa pengisian seperti imbasan video ucapan raya Ketua Pengarah PNM, persembahan kumpulan muzik dan sesi nyanyian lagu raya.



Kempen derma darah di PNM pada 22 Jun 2010.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PUSPANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia

PUSPANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bernaung di bawah PUSPANITA Cawangan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang dipengerusikan oleh YBhg Datin Sri Rohayah Harun, isteri kepada YBhg Dato' Sri Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. PUSPANITA Cawangan PNM dipengerusikan oleh YBhg Datin Limah Nor, isteri Ketua Pengarah PNM.

Keahlian

Sehingga akhir tahun 2010, jumlah keahlian ialah seramai 247 yang terdiri dari ahli biasa dan ahli seumur hidup.

Kegiatan

Pelbagai aktiviti telah diatur meliputi kegiatan sosial, agama, sukan dan kebajikan sama ada di peringkat jabatan atau kementerian.

Jawatankuasa Kecil Kebajikan memberi sumbangan bagi kematian ahli keluarga terdekat dan juga melawat ahli yang menerima rawatan di hospital.

Di dalam aktiviti sukan, perlawanan persahabatan badminton dengan PUSPANITA Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan di gelanggang badminton PNM pada 10 April 2010. Kelab PNM dengan kerjasama PUSPANITA PNM juga mengadakan perlawanan persahabatan badminton dengan Puncak Niaga pada 24 Julai 2010. Turut hadir adalah YBhg Dato' KP PNM dan YBhg Datuk Dr Muzahet Masruri. Seramai 8 ahli serta ahli keluarga turut mengambil bahagian dalam World Walking Day di Tasik Titiwangsa pada 21 November 2010 yang dianjurkan oleh Nestle Products Sdn Bhd.

Menerusi Jawatankuasa Kecil Agama, PUSPANITA cawangan PNM bekerjasama dengan Biro Agama, Kelab PNM menerusi program ceramah agama, Program Maulidur Rasul, Solat Tasbih, Tadarus, Majlis Khatam Al-Quran, Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat sempena perpindahan Menara PNM.

Jawatankuasa Kecil Sosial telah menganjurkan pelbagai aktiviti seperti lawatan, demo kecantikan dan ceramah.

Mesyuarat Tahunan

Mesyuarat Tahunan PUSPANITA Cawangan PNM telah diadakan pada 27 September 2010 dan telah dihadiri oleh 158 ahli.



Mesyuarat Tahunan PUSPANITA Cawangan PNM yang telah diadakan pada 26 September 2010.



Sebahagian daripada Ahli yang menghadiri demo kecantikan pada 26 Januari 2010.



Sesi lawatan sosial ke Nestle (M) Sdn Bhd pada 18 Mei 2010.



Ahli Puspanita Cawangan PNM yang mengambil bahagian dalam Perlawanan Persahabatan Badminton dengan Puspanita EPU pada 10 April 2010 di PNM.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia dan Rakan Media

THE STAR

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Focus on rebuilding party's image, says Heng	12 Januari 2010
2.	Malays believe more in NGOs	29 Januari 2010
3.	Library books delivered at your doorstep	19 Februari 2010
4.	Service charges abolished	26 Februari 2010
5.	Taking stock of history	15 Mac 2010
6.	Yeoh to donate books to library	22 April 2010
7.	Boost for reading programme nationwide	24 April 2010
8.	Michelle wants to see Malaysians 'booked'	15 Mei 2010
9.	National Library targets juveniles	2 Jun 2010
10.	The star online – Komen Pesera Pidato 1Malaysia	29 Julai 2010
11.	The star online – Pidato 1Malaysia 2010	29 Julai 2010

SUNDAY STAR

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Many steal books, not read them	30 Mei 2010

MSTAR ONLINE

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Hanya Bahasa Melayu yang mampu satu padukan rakyat Malaysia - Rais	24 Oktober 2010
2.	Cari sebab kenapa Melayu dipertikai di Bumi Sendiri – Ahmad Zahid	28 Oktober 2010
3.	3.8 juta bahan milik Perpustakaan Negara disiar secara online	13 Disember 2010

NEW STRaits TIMES

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Roping in icons to promote reading	3 Mac 2010
2.	A few lines from author Najib	29 Mac 2010
3.	Using stardom to highlight conversation efforts	22 April 2010
4.	RM1M worth of books, reading materials for 1,000 schools	24 April 2010

MALAY MAIL

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Book reading a big hit among Malaysians	2 Mac 2010

THE SUN

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Anti-GST protest postponed	15 Mac 2010

BERNAMA

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	PNM Akan Perluas Sudut Membaca 1Malaysia Di Perhentian Bas	11 Januari 2010
2.	NGO wujud kerana ada Berpendapat Umno tak Mampu Pejuang Hak Melayu – Tun Dr Mahathir	28 Januari 2010
3.	Tujuh Perpustakaan Perintis Pinjam Buku Secara Dalam Talian	18 Februari 2010
4.	Jangan Asyik tatap Komputer Hingga Tidak Membaca Buku - Rais	2 Mac 2010
5.	Portal U-library dilancar Julai ini	13 Mac 2010
6.	Bacaan kedua GST di Parlimen bergantung kepada Input Awam- Ahmad Husni	14 Mac 2010
7.	Pinjaman buku melalui pos dilancar Julai	18 Mac 2010
8.	Kementerian pelajaran diminta perluaskan aktiviti tulisan jawi	24 Mac 2010
9.	Boleh pinjam buku di mana saja	28 Mac 2010
10.	Tun Siti Hasmah seru generasi muda gemar membaca buku	30 Mac 2010
11.	Michelle Yeoh Corner' di Perpustakaan Negara	21 April 2010
12.	Sumber bacaan bernilai RM1 juta diagih kepada 1,000 buah Sekolah Menengah	23 April 2010
13.	PNM anjur Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2010	23 April 2010
14.	Kelangsungan Dunia Buku di celah-celah kepesatan ICT	22 April 2010
16.	BERNAMA antara tiga pemenang perpustakaan cemerlang 2009	6 Mei 2010
17.	Sejuta unit "Koleksi Malaysiana" disediakan di Perpustakaan Negara	7 Mei 2010
18.	BERNAMA terima Anugerah Perpustakaan Cemerlang	10 Mei 2010
19.	Malaysians Read 8 -12 Books A Year	29 Mei 2010
20.	Library Targets Juveniles through Reading Programme	31 Mei 2010
21.	Perpustakaan Negara Laksana strategik baru Program Membaca	31 Mei 2010
22.	Dua buku tulisan Wardina dianggap berkualiti	4 Jun 2010
23.	Tujuh Perpustakaan Desa akan bina di kawasan Tasek Gelugor	26 Jun 2010
24.	Perpustakaan Negara perlu sedia buku dalam pelbagai bahasa	16 Julai 2010
25.	Perpustakaan Desa akan dibina di semua DUN – KP Perpustakaan Negara	18 Julai 2010
26.	Kementerian Penerangan hasilkan Hikayat Hang Tuah dalam bentuk animasi	26 Julai 2010
27.	Hanya Bahasa Melayu yang mampu satupadukan Rakyat Malaysia - Rais	24 Oktober 2010
28.	PNM dan UPSI catat Rekod Malaysia Book of Records baca Puisi tanpa henti	24 Oktober 2010
29.	Langkah jadikan sejarah syarat wajib lulus SPM kena masanya, kata Maglin	25 Oktober 2010
30.	Cari sebab kenapa Melayu dipertikai di bumi sendiri : Ahmad Zahid	28 Oktober 2010
31.	Perkhidmatan Digital baru Perpustakaan Negara tarik minat 13 anggota Delegasi Singapura	8 November 2010
32.	Perpustakaan Malaysia perlu manfaat ICT	8 November 2010
33.	3.8 juta bahan milik Perpustakaan Negara akan disiar secara online	13 Disember 2010

UTUSAN MELAYU

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Perpustakaan Desa Manfaatkan Penduduk Luar Bandar	11 Januari 2010
2.	Penggunaan ICT di tingkatkan	22 Februari 2010
3.	Dr. Sheikh Muszaphar terima sijil penghargaan PNB	8 Mac 2010
4.	Akhbar Jawi berwajah baru dilancar	29 Mac 2010
5.	Semarak Jawi di Pesta Buku 2010	5 April 2010
6.	2 buku pemimpin negara dilancarkan	12 April 2010

7.	Michelle Yeoh Ikon Mari Membaca 2010	3 Mei 2010
8.	Perpustakaan Tun Razak, UiTM terima Anugerah Cemerlang 2009	17 Mei 2010
9.	Cara ibu Angkasawan besarkan anak-anak	7 Jun 2010
10.	Program Mari Membaca 1Malaysia di Perak	28 Jun 2010
11.	PNM anjur klinik Dr. Jawi 2	5 Julai 2010
12.	Dato' Raslin Abu Bakar teringin filemkan Karya Hamka	26 Julai 2010
13.	Pameran Hikayat Hang Tuah di PNM	2 Ogos 2010
14.	Ketua Pelajar SSAS johan Pidato 1Malaysia	9 Ogos 2010
15.	Travelog kembara buku dedah ilmu pembukuan	8 November 2010

HARIAN METRO

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	Buku dalam kereta api	12 Januari 2010
2.	Pinjam buku melalui pos	19 Februari 2010
3.	Tabiat membaca buku meningkat	26 Februari 2010
4.	Kajian budaya membaca mulai April	27 Februari 2010
5.	Kadar kecenderungan membaca meningkat	3 Mac 2010
6.	U-Library Julai ini	15 Mac 2010
7.	Animasi berkembang	5 Mei 2010
8.	Perpustakaan Negara kumpul sejuta Koleksi Malaysiana	5 Mei 2010
9.	Perpustakaan UiTM cemerlang	11 Mei 2010
10.	Wardina lancar buku	5 Jun 2010
11.	Imbau sejarah Melaka	3 Julai 2010
12.	Perbanyak buku pelbagai bahasa	17 Julai 2010
13.	Program membaca diteruskan	30 Julai 2010
14.	Yakini keupayaan bahasa Melayu	25 Oktober 2010
